



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

EISSN: 3009 - 1039
EDISI KEDUA : APRIL - JUN 2023

WACANA

BULETIN AKADEMIK & ANTARABANGSA



PENGLIBATAN PELAJAR MEMPROMOSI UMK

MENARIK DI DALAM



- Akademik
- Pengajaran dan Pembelajaran
- Kerjasama Akademik
- Mobiliti dan Antarabangsa
- Pelajar
- Aktiviti

SIDANG EDITORIAL

Penasihat

Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad

Ketua Editor

Mohd Badrul Hisyam Muhamad Alias

Editor

Mohd Zulfadli Mat Husin

Puteri Nurainul Bismi Jondi

Fatin 'Afina Ramzi

Nik Nurul Fazlina binti Noor Akmar

Pereka

Nurfatinah Izzati Zamri

Bacaan *Proof*

Prof. Madya Dr. Mohamad Najmi bin Masri

HAK CIPTA

Penerbitan Korporat UMK, 2023

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Bahagian Strategik dan Pentadbiran (BSP), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

Diterbitkan oleh:


Penerbitan Korporat, UMK
Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Laman Web
Pusat Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok
Kelantan Darul Naim
Tel : 09-7797015
Emel : bpk.pkk@umk.edu.my

Disediakan oleh:

Bahagian Strategik dan Pentadbiran (BSP)
Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Malaysia Kelantan
16300, Bachok, Kelantan

 www.hea.umk.edu.my

 dcvai@umk.edu.my

 Pejabat TNCAA UMK

KANDUNGAN

| | |
|---|----|
| Kata Alu-Aluan | iv |
| Dari Meja Ketua Editor | v |
| UTAMA | 6 |
| ▪ Penglibatan Pelajar Mempromosi UMK | 7 |
| AKADEMIK | |
| ▪ Pemantapan berterusan tadbir urus Senat sebagai badan akademik tertinggi UMK | 13 |
| ▪ Sesi temuduga bagi kemasukan pelajar Semester September Sesi akademik 2023/2024 | 14 |
| ▪ Bengkel penjadualan kuliah Semester September 2023/2024 | 15 |
| ▪ Temuduga pencalonan Duta Akademik UMK | 15 |
| ▪ Penekanan kepada tadbir urus akademik terbaik bagi Universiti Awam menerusi kerangka dan pendekatan governans perkhidmatan awam | 16 |
| ▪ JPSU naik taraf sebagai UMK-AsCent | 17 |
| ▪ Bengkel MUET: Tips and Tricks Asasi UMK Sesi Akademik II 2022/2023 | 18 |
| ▪ MyFutureAcademicJourney@UMK | 18 |
| ▪ Program pembentangan akhir bagi projek rekabentuk untuk kursus Studio Rekabentuk Senibina VI | 19 |
| ▪ Bengkel Pembuatan Terrarium | 19 |
| ▪ Program syarahan jemputan Kursus Rekabentuk Perabot untuk Program Senibina Dalaman | 20 |
| ▪ Penentuan Tekstur Tanah | 20 |
| ▪ Program Bengkel 3D Printing bagi Kursus Rekabentuk Perabot | 21 |
| ▪ FBKT FYP 1 Workshop Series | 22 |
| ▪ Industry@FBKT 2023 Siri 1 | 23 |
| ▪ FBKT International Guest Lecture Series-UNRI | 24 |
| ▪ Lawatan dan mesyuarat pelaksanaan pengajaran Kursus Bahasa Jepun | 24 |
| PENGAJARAN & PEMBELAJARAN | 25 |
| ▪ Program SULAM-GEAR UP 4 STEM | 26 |
| ▪ Bengkel APEL A | 27 |
| ▪ Wacana Insani | 27 |
| ▪ Lawatan penanda aras Service Learning Malaysia-University For Society (SULAM) di UKM dan UPM | 28 |
| ▪ Webinar "Teaching with ChatGPT Series 2: Practical Tips & Strategies" | 29 |
| ▪ Webinar Sustainable Development Goals (SDG) "Strategies and Innovations in Education For Sustainable Development (SDG4: Quality Education)" | 29 |
| ▪ Kursus penyeliaan program pengajian pascasiswazah (Mod Penyelidikan) UMK siri1/2023 | 30 |
| ▪ Lawatan Audit Surveillance ke-2 MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM Berhad | 30 |
| ▪ Penganjuran Workshop on Apel.A (Access): Towards Becoming An APEL.A Centre | 30 |
| ▪ Sesi coaching dan pemurnian dokumen bagi pertandingan SULAM Innovate 2023 | 31 |
| ▪ Bengkel Pembangunan Struktur Kurikulum Fleksibel dan Hyflex | 31 |

| | | |
|---|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ▪ Lawatan kerja indeks kelestarian program (IKP) dan Sustainable Development Goals (SDG) di UiTM 32 ▪ Lawatan kerja Service Learning Malaysia-University For Society (SULAM) di UM 32 ▪ Bengkel Hasil Dapatan Lawatan Kerja Pembangunan Struktur Kurikulum Fleksibel & Hyflex, Indeks Kelestarian Program (IKP) dan SULAM 33 ▪ Bengkel Semakan Dasar Latihan 33 ▪ International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival (ITELIC) 2023 33 | | <p>AKTIVITI 56</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Majlis penyampaian sumbangan kepada Asnaf UMK 57 ▪ Meriahnya Raya Pejabat TNCAA 58 ▪ Karnival Pendidikan Kelantan 2023 59 ▪ Lawatan ke Fakulti Sains Bumi 59 ▪ Kapsul Dokumentari Rebana Kercing 60 ▪ Bengkel Halatuju dan <i>Teambuilding</i> UMKCEE 61 ▪ Program <i>Colour Run</i> 61 ▪ <i>Program Youth Innovator Community Network 2023</i> 62 ▪ <i>Program Ascending The Peak Building A High Performance Culture in The Malaysian Public Service</i> 63 ▪ Majlis Penutup Minggu Bahasa Asasi Sains 63 ▪ <i>Innovation Day 2023: Unveils Cutting-Edge Projects</i> 64 ▪ <i>MY5G Ericson Malaysia Pioneers Program</i> 64 ▪ Impak Revolusi Perindustrian 4.0 kepada perniagaan: Peluang dan Cabaran 65 ▪ Penglibatan pensyarah FSE dalam pertandingan inovasi 65 ▪ Pameran IoT 66 ▪ <i>1st Runner-Up AI Enthusiast Program 2023 Intel Building Digital Readiness</i> 66 ▪ Program Teambuilding Ipoh, Perak untuk Studio Rekabentuk Senibina Dalam IV 67 ▪ Program pertandingan Reka Panjut Pelita FTKW 67 ▪ <i>National Micro Enterprise Pitching Competition 2022</i> 68 ▪ Program Workshop on Digital Mall: Shopee Live Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan 68 ▪ <i>Carnival of Megapreneurship & Innovation 2.0</i> 69 ▪ <i>Program Islamic Navigation Toward Sustainable Accounting & Finance Festival</i> 70 ▪ <i>Program Case Study Competition in Islamic Banking and Finance</i> 70 ▪ <i>Program Raising Awareness on Circular Economy</i> 71 ▪ Program Cakna Usahawan Desaku 72 ▪ Program Kembali ke Sekolah Bersama Anak-Anak Asnaf di Sekolah Sekitar Daerah Jeli 73 ▪ <i>Program "We Care, We Share, We Reach Out, Food Grocery for the Needy"</i> 74 ▪ Food Culture and Heritage Exhibition 2023 76 ▪ <i>Program Nutrition Innovation and Health Exhibition Day</i> 78 ▪ <i>Road to Industry Recruitment, Selection and Induction</i> 79 ▪ Pemetaan Digital Dengan Menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) 79 ▪ Festival Bizcomm untuk Program SLB dan MBC 80 ▪ Mukhayam Arabiy 2023 80 ▪ Program Cabaran Inovasi: <i>E-Book Making Competition</i> 81 ▪ Program Wacana Malaysia 81 ▪ Karnival Jabatan Pengajian Umum 2023 82 ▪ Franco Tour 2023 Kelantan 82 |
| <p>KERJASAMA AKADEMIK 34</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kerjasama antara UMK dan SRI 35 ▪ Lawatan penanda aras di UiTM dan UPM 36 ▪ Lawatan pemantauan Latihan Industri dan jaringan industri FBKT 36 ▪ Lawatan hormat dan sesi perbincangan di antara FHPK dan Resort World GENTING 37 ▪ Program lawatan akademik ke Perak untuk Kursus Studio Rekabentuk Senibina Dalam IV 38 ▪ Program lawatan kolaborasi dan perbincangan Program Premier Digital Tech Universities and Polytechnics (PDTI) 38 | | |
| <p>MOBILITI DAN ANTARABANGSA 39</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penganjuran mesyuarat Jawatankuasa Pengarah-Pengarah Antarabangsa Universiti Awam Kali ke-28 40 ▪ Pemantapan pengurusan Visa dan Pas Pelajar Antarabangsa Universiti Awam 41 ▪ Sesi Dialog bersama EMGS 41 ▪ Mempromosikan UMK di Brunei 42 ▪ Pameran Pendidikan di Chittaging, Bangladesh 43 ▪ Sesi keterlibatan Bersama rakan strategik dan ejen daripada China 43 ▪ Chongqing/ Beijing/ Jiangxi: Study in UMK Tour 44 ▪ UMK & JXUFE 44 ▪ Kerjasama antara UMK dan Beijing Wuxi University (BWU) 45 ▪ Promosi UMK di Chongqing/ Beijing. Jiangshi 45 ▪ Program lawatan promosi dari University Oradea, Romania ke MGSEB 46 ▪ Lawatan ke UMK oleh perwakilan Universitai Surabaya, Indonesia 46 ▪ Program lawatan akademik dan program mobility ke Bangkok, Thailand 47 ▪ Lawatan kolaborasi akademik dan antarabangsa UMK-UTB 48 ▪ Lawatan kolaborasi akademik dan antarabangsa UMK-UBD 48 ▪ Lawatan kolaborasi akademik dan antarabangsa UMK – UNISSA 48 ▪ Program mobiliti ber kredit (Inbound) University of Horticultural Science, India 49 ▪ Program Tourism International Mobility and Entrepreneurship Management 50 ▪ Program Mobiliti Ber kredit 50 | | |
| <p>PELAJAR 51</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Program APLUS Certification for Non-Accounting Student 52 ▪ Program Social e-Commerce: Adobe Certifies Professional ADOBE Premier Pro 53 ▪ Program persijilan Profesional Barista dan Pengurusan Restoren 54 ▪ Kunjungan hormat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 55 | | <p>PENGHARGAAN 83</p> |

Kata Alu-Aluan

Assalamualaikum wbt

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Semoga kita sentiasa dirahmati dan diberkati oleh Allah SWT.

Alhamdulillah, saya lafazkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran ke hadarat Allah SWT kerana atas limpah kurnia dan dengan keizinanNya maka buletin rasmi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa, WACANA edisi kedua telah berjaya dihasilkan.

WACANA adalah medium penting untuk merekod dan berkongsikan setiap aktiviti, peristiwa berkaitan akademik dan antarabangsa yang dilaksanakan pusat tanggungjawab (PTj) bawah TNCAA termasuk Ptj Akademik. Sekalung ucapan tahniah dan syabas diberikan kepada sidang pengarang kerana berjaya menerbitkan WACANA yang dijadualkan secara berkala pada setiap suku tahunan.

Selain itu, penghargaan dan ucapan terima kasih turut diberikan kepada semua Pusat/ Fakulti/ Jabatan di atas kerjasama padu di dalam memberikan maklumat bagi memastikan penyediaan WACANA dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

Saya berharap penerbitan WACANA akan memberi manfaat kepada semua pihak yang ingin mengenali dan mengetahui dengan lebih terperinci mengenai peranan dan aktiviti Pejabat TNCAA. Marilah kita berdoa ke hadrat Ilahi agar terus diberikan kekuatan untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya.



PROF. DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum wbt

Alhamdulillah dengan limpah kurniaan dari-Nya, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) melalui Bahagian Strategik dan Pentadbiran (BSP) telah berjaya menerbitkan buletin rasmi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa, WACANA edisi kedua bagi bulan April sehingga Jun 2023.

WACANA yang julung kali diterbitkan pada tahun 2023 ini telah memasuki edisi kedua. Segala aktiviti PTj berkaitan akademik dan antarabangsa Berjaya diselitkan di dalam buletin suku tahunan ini.

Sidang editorial WACANA ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Pusat/ Fakulti/ Jabatan di atas kerjasama padu dalam memberikan maklumat bagi memastikan WACANA dapat diterbitkan dengan jayanya.

Harapan kami supaya WACANA akan menjadi wadah perkongsian antara semua PTj akademik di bawah portfolio TNC (A&A) untuk terus bekerjasama memartabatkan kecemerlangan akademik dan antarabangsa UMK.

Selamat membaca.

MOHD BADRUL HISYAM BIN MUHAMAD ALIAS

Timbalan Pendaftar

Bahagian Strategik dan Pentadbiran (BSP)

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)



UTAMA



PENGLIBATAN PELAJAR MEMPROMOSI UMK

Bachok, 07 Jun 2023 - Penganjuran Jom Masuk U (JMU) 2023 bertujuan untuk mempromosi maklumat mengenai program pendidikan yang ditawarkan oleh institusi pendidikan di bawah KPT yang merangkumi Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik, Kolej Komuniti (KK) serta penglibatan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Pada tahun ini, program JMU 2023 menyasarkan kumpulan pelajar yang menduduki peperiksaan SPM, STPM, Matrikulasi, Asasi, STAM dan Diploma/Setaraf. Program JMU 2023 bermula pada 20 Mei sehingga 05 Jun 2023.

Majlis Perasmian Penutupan Program Jom Masuk U ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Dato Seri Mohamed Khaled Bin Nordin, pada 05 Jun 2023 bertempat di Universiti Malaya (UM).

Naib Canselor UMK, Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Razli Bin Che Razak turut hadir sama dalam majlis tersebut mewakili UMK. Pelbagai aktiviti menarik ditawarkan sepanjang JMU 2023 berlangsung antaranya pameran, sesi konsultasi UPU Online, talk show IPTA dan IPTS, cabutan bertuah, campus tour, aktiviti bersama alumni dan banyak lagi. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) menerusi Pusat Pengurusan Akademik (PPA) telah menyertai di kesemua zon bagi program Jom Masuk U bagi tahun 2023. Zon-zon tersebut adalah di Johor, Sabah, Sarawak, Kedah, Terengganu dan Kuala Lumpur. Tuan rumah bagi setiap zon adalah mengikut universiti awam seperti berikut, Johor (UTM), Sabah (UMS), Sarawak (UPM kampus Bintulu), Kedah (UiTM Cawangan Kedah), Terengganu (UMT) dan Kuala Lumpur (UM).

Program JMU 2023 telah mencatatkan penyertaan lebih daripada 50 agensi kerajaan dan swasta seperti Universiti Awam, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan pelbagai agensi lain yang berkaitan. Pihak KPT selaku urusetia utama melaporkan seramai lebih 70,208 ribu pelawat mengunjungi JMU2023 bagi keenam-enam zon yang terpilih.


Para pelawat khususnya pelajar lepasan sekolah,ibu bapa, penjaga, guru, kaunselor dan orang awam dijemput untuk memeriahkan program JMU 2023 mengikut zon-zon yang telah ditetapkan. Bagi penglibatan UMK dalam JMU 2023 pada kali ini, menurut Syahrul Hanif, Penolong Pendaftar, Seksyen Promosi, Data dan Rekod, Pusat Pengurusan Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UMK dengan cetusan idea daripada Prof. Dr. Nik Maheran (Timb. Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa UMK) memperkasakan peranan pelajar dalam membantu mempromosikan program-program pengajian UMK. PPA telah mengenal pasti wakil-wakil pelajar yang berkebolehan daripada semua fakulti di UMK untuk bersama-sama pasukan kami menyertai program JMU2023.” Para pelajar yang bepeluang menyertai pasukan promosi dalam program JMU2023 kali ini memperoleh pengalaman yang sangat berguna. Pengalaman berdepan dengan para pelawat seperti para pelajar dan guru memberikan mereka peluang untuk meningkatkan kemahiran komunikasi disamping menambahkan ilmu pengetahuan terutamanya dalam strategi pemasaran sebagai salah satu elemen penting dalam pementapan dan penerapan nilai keusahawanan.



Wan Aisyah, pelajar tahun 2 Fakulti Seni Bina dan Ekistik, yang terlibat dalam JMU 2023 di Zon Utama, UiTM Cawangan Kedah menyatakan penghargaan dan berterima kasih kepada pihak PPA khususnya Pejabat Timb. Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang memberi peluang untuk Bersama membantu mempromosikan program pengajian UMK. Sebagai pelajar, platform yang diberikan ini sangat berguna dalam meningkatkan 'soft skill' dan pastinya pengalaman ini dapat meningkatkan kebolehpasaran pelajar untuk masa hadapan.

Penglibatan pelajar dalam program promosi UMK menawarkan banyak faedah bukan sahaja kepada pelajar, namun kepada UMK secara keseluruhannya. Platform ini merupakan salah satu langkah pembelajaran luar bilik darjah yang menyumbang kepada peningkatan nilai kebolehpasaran pelajar UMK. Pihak PPA akan meneruskan kerjasama dan penglibatan para pelajar dalam pelbagai lagi program promosi pada masa akan datang setelah mendapat maklum balas yang baik dan positif.

ZON TIMUR-TERENGGANU





ZON SABAH DAN SARAWAK





ZON UTARA-KEDAH





AKADEMIK

PEMANTAPAN BERTERUSAN TADBIR URUS SENAT SEBAGAI BADAN AKADEMIK TERTINGGI UMK

BSP

8 Jun 2023 | Dalam usaha berterusan memperkukuhkan tadbir urus akademik UMK, semakan kepada tadbir urus Senat dan Jawatankuasa Tetap Senat (JKTS) UMK merupakan salah satu langkah penting yang perlu sentiasa diadakan. Senat merupakan badan tertinggi yang mengawal selia segala hal ehwal akademik UMK berlandaskan kepada Perlembagaan UMK dan Statut Senat UMK. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang diamanahkan dalam urusan seliaan dan sekretariat kepada Senat UMK telah mengadakan Bengkel Semakan Tadbir Urus Senat dan JKTS UMK pada 8 Jun 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), UMK Kampus Kota. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Mohammed berkata, usaha pemantapan tadbir urus Senat ini menerusi semakan kepada pengurusan dan terma rujukan JKTS adalah antara langkah yang perlu disebabkan kali terakhir semakan kepada tadbir urus Senat dan JKTS adalah pada tahun 2015.



Bengkel siri 1 ini telah dihadiri oleh Wakil Senat Profesor, Prof. Dr. Aweng A/L Eh Rak dan Prof. Dr. Nik Marzuki bin Sidik, Dekan FKP, Prof. Madya Ts. Dr. Zailani Bin Abdullah, Dekan FBI, Dr. Burhan Bin Che Daud, Pengarah PPQ, Dr. Hasnita Binti Che Harun, Pengarah PPA, Prof. Madya Ts. Dr. Anuar Bin Mohd Yusof, dan Prof. Madya Dr. An'amt Bin Mohamed Noor, Menjalankan Fungsi Dekan PPS. Selain itu, wakil-wakil Sekretariat JKTS turut hadir serta iaitu para pegawai daripada UMKEI, Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu, PPA dan Pejabat Timb. Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) selaku urusetia bengkel.

Sehingga Jun 2023, terdapat enam JKTS iaitu Prasiswazah, Peperiksaan, Pengajian Siswazah, Penyelidikan dan Inovasi, Keusahawanan dan Ijazah Kehormat. Bengkel semakan tadbir urus senat dan JKTS siri 2 dijangka diadakan pada bulan Julai dengan objektif memurnikan draf Garis Panduan Tadbir Urus Senat dan JKTS UMK 2023.



SESI TEMUDUGA BAGI KEMASUKAN PELAJAR BAHARU SEMESTER SEPTEMBER SESI AKADEMIK 2023/2024

PPA

Seramai 746 orang daripada 1077 orang calon telah dipilih untuk menghadiri sesi temuduga bagi kemasukan pelajar baharu Semester September Sesi Akademik 2023/2024 yang diadakan secara fizikal dan dalam talian di UMK Kampus Bachok dan UMK Kampus Kota. Sesi temu duga ini telah diadakan mulai 20 Jun 2023 sehingga 21 Jun 2023 melibatkan seramai 109 orang calon bagi program Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Dengan Kepujian (2u2i- SAE), Fakulti Keusahawanan & Perniagaan (FKP).

Manakala, bagi tiga program di bawah Fakulti Senibina & Ekistik (FSE) pula seramai 111 orang calon telah hadir secara hibrid bermula 19 sehingga 27 Jun 2023.

Seramai 225 orang calon juga telah hadir ke sesi temu duga yang dijalankan oleh pihak Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), Padang Tembak.

Melalui sesi temu duga ini pihak fakulti dapat mengenalpasti calon-calon yang berkualiti dan berpotensi bagi mengikuti pengajian di UMK untuk dipilih bagi kemasukan September 2023.



BENGGEL PENJADUALAN KULIAH SEMESTER SEPTEMBER SESI 2023/2024

Bengkel Penjadualan Kuliah bagi Semester September Sesi 2023/2024 telah dilaksanakan pada 2-3 Mei 2023 bertempat di Bilik Seminar 2, Kompleks Akademik di UMK Bachok. Bengkel ini telah dihadiri oleh pegawai dan staf yang menyelaras jadual kuliah dari 10 Fakulti, Pusat Kokurikulum dan juga pihak Pusat Komputeran dan Informatik (CCI). Objektif daripada bengkel ini tercapai iaitu jadual disiapkan dalam masa sebulan sebelum semester bermula.



TEMUDUGA PENCALONAN DUTA AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Sesi temuduga pemilihan calon Duta Akademik telah diadakan di tiga lokasi iaitu pada 24 Mei 2023, temuduga dijalankan di UMK Kampus Jeli yang melibatkan 10 program sains. Pada 25 Mei 2023, temuduga telah dijalankan di UMK Kampus Kota yang melibatkan pelajar dari 12 program manakala pada 4 Jun 2023, sebanyak 7 program. Pihak Pusat Pengurusan Akademik (PPA) akan memilih seorang sahaja Duta Akademik dalam kalangan pelajar. Panel Temuduga adalah diketuai oleh Pengarah Akademik, Pusat Pengurusan Akademik (PPA) iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Anuar bin Mohd Yusof, Encik Mohd Adzwan bin Kamaruzaman, Pengarah Pusat Komunikasi Korporat (PKK), Encik Tuan Zulkipeli bin Tuan Yeh, Pegawai (PKK) dan Encik Mohd Hafiz bin Hj. Rosli, Pegawai (PPA). Hasil dari temuduga tersebut, PPA telah berjaya melantik 27 orang Duta Akademik daripada 29 Program di UMK.



PENEKANAN KEPADA TADBIR URUS AKADEMIK TERBAIK BAGI UNIVERSITI AWAM MENERUSI KERANGKA DAN PENDEKATAN GOVERNANS PERKHIDMATAN AWAM

BSP



INTAN, Bukit Kiara, 15 Jun 2023 – Sebagai sebahagian daripada kerangka polisi MADANI yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, dibawah Teras Keyakinan, keperluan untuk memperkasakan sistem governan terbaik dalam semua sektor perkhidmatan awam adalah sangat tinggi. Berdasarkan kepada keperluan tersebut, staf Pej. Timb. Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang bertanggungjawab untuk tadbir urus akademik di UMK sangat diperlukan untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi.

Mohd Zulfadli Mat Husin, Penolong Pendaftar Kanan, Pej. TNCAA telah mengambil bahagian dalam kursus Masterclass on Civil Service Governance, yang dianjurkan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) bertempat di Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Kursus tersebut bermula pada 12 Jun sehingga 15 Jun dengan penyertaan daripada pelbagai pegawai kerajaan meliputi pelbagai kementerian dan badan berkanun.

Kursus tersebut memperkenalkan beberapa paradigm dalam tadbir urus, pendekatan-pendekatan sesuai dalam tadbir urus terbaik, strategi dan dimensi dalam usaha memperkasakan tadbir urus. Dalam kursus itu juga, peserta mempelajari elemen-elemen teras dan penting dalam pemantapan tadbir urus terbaik seperti inklusiviti, penilaian risiko, pemegang taruh dan komunikasi. Pendekatan pembelajaran yang diterapkan dalam kursus ini adalah menerusi siri kuliah, sesi perkongsian bersama pakar, perbincangan dalam kumpulan, aktiviti pencambahan idea dan pembentangan kumpulan serta individu.

Dua pakar dalam bidang tadbir urus sektor perkhidmatan awam berkaitan aspek perundangan telah dijemput untuk menyampaikan sesi perkongsian. Pakar yang pertama adalah Dr. Punitha Silivarajoo, Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dan yang kedua adalah Profesor Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi, mantan Penasihat Undang-Undang UiTM dan telah berkhidmat lebih 30 tahun di UiTM, UM, UIAM dan USM dalam pelbagai jawatan pentadbiran.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

*Tahniah
& Syabas*

Jabatan Persediaan Sains UMK

atas kelulusan naik taraf sebagai

Pusat Pengajian Asasi (UMK-AsCent)

Oleh

**Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi**

berkuat kuasa

11 April 2023

Daripada

**Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah,
Naib Canselor, Ahli Senat serta Seluruh Warga UMK**

ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



OfficialUMK

JPSU NAIK TARAF SEBAGAI UMK-AsCent

Jabatan Persediaan Sains Universiti Malaysia Kelantan (JPSU) telah mendapat kelulusan naik taraf menjadi Pusat Pengajian Asasi Universiti Malaysia Kelantan (UMK-AsCent) daripada Kementerian Pendidikan Tinggi pada 11 April 2023. Sepanjang pengoperasiannya sehingga kini, UMK-AsCent telah berjaya menawarkan dua program pengajian iaitu Program Asasi Sains sebanyak 2 kohort dan Program Pra-Ijazah Sains sebanyak 4 kohort. Dalam masa yang sama, UMK-AsCent juga telah berjaya menjenamakan Program Asasi Sains UMK sebagai program asasi pilihan pertama paling popular dari semua program asasi di Malaysia dua tahun berturut-turut dan meningkatkan penawaran program Pra-Ijazah Sains daripada satu ke duaambilan setahun bermula tahun 2022. Sehubungan dengan itu, kejayaan naik taraf ini telah memberi ruang kepada UMK-AsCent untuk terus berkembang dalam mengurus dan menawarkan program akademik sedia ada dan baharu kepada lepasan SPM sebagai penyokong kepada semua perancangan akademik untuk menangani isu kuantiti dan kualiti pelajar prasiswazah disamping menyepadukan bidang keusahawanan dengan semua bidang pengajian peringkat prasiswazah yang ditawarkan di UMK.

BENGKEL MUET: TIPS AND TRICKS ASASI UMK SESI AKADEMIK II 2022/2023



Seramai 258 orang pelajar daripada program Asasi Sains UMK telah menyertai Bengkel MUET: Tips And Tricks bagi Asasi UMK Sesi Akademik II 2022/2023 secara dalam talian pada 8 April 2023. Bengkel MUET ini telah diadakan selama 2 hari iaitu pada 25 Februari 2023 bagi bengkel kertas *Writing*, *Listening* dan *Reading* dan 8 April 2023 untuk kertas *Speaking*. Bengkel berkenaan diadakan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar Asasi UMK yang akan mengambil peperiksaan Malaysian University English Test (MUET) untuk sesi pertama bagi tahun 2022/2023. Sepanjang bengkel tersebut, pelajar telah diberi penerangan tentang cara-cara untuk menjawab kertas peperiksaan MUET dengan secara berkesan. Seramai enam orang pensyarah dari Fakulti Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI) UMK Kampus Bachok telah dilantik sebagai tenaga pengajar.

PROGRAM MyFutureAcademicJourney@UMK

Pada 20 Mac hingga 15 April 2023, Jabatan Persediaan Sains dengan kerjasama lima fakulti, iaitu FBKT, FIAT, FPV, FSE dan FSB telah berjaya menganjurkan Program MyFutureAcademicJourney@UMK untuk 258 pelajar Program Asasi Sains Sesi Akademik 2022/2023.

Lawatan pelajar secara fizikal ke lima buah fakulti tersebut adalah amat penting untuk memberi pendedahan kepada mereka tentang laluan akademik peringkat prasiswazah yang telah ditawarkan di UMK, di samping memberi dorongan dan motivasi kepada mereka untuk meningkatkan kecemerlangan diri dalam akademik.

Inisiatif daripada fakulti yang terlibat dalam mengadakan aktiviti yang sangat berinteraktif sedikit sebanyak telah menukar perspektif para pelajar terhadap program akademik yang ditawarkan oleh setiap fakulti tersebut. Program ini sangat penting dalam membantu para pelajar Asasi Sains untuk memilih laluan akademik di UMK selepas tamat pengajian Asasi Sains nanti.



PROGRAM PEMBENTANGAN AKHIR BAGI PROJEK REKABENTUK UNTUK KURSUS STUDIO REKABENTUK SENIBINA VI (SGA3328)

Program pembentangan akhir telah diadakan pada 25 Jun 2023 (Ahad) di Studio 9, FSE, UMK Bachok.

Program ini merupakan satu sesi penilaian antara pelajar tahun akhir dengan panel penilai yang terdiri daripada pensyarah Jabatan Senibina dan panel jemputan dari industri yang terdiri dari lapan orang arkitek yang berpengalaman luas dalam industri senibina.

Program ini adalah inisiatif untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam reka bentuk, pembinaan, struktur bangunan dan semua aspek teknikal yang diperlukan melalui sesi kritik dan pemarkahan oleh panel jemputan dari industri. Ini secara tidak langsung ini akan mempersiapkan diri pelajar untuk menghadapi alam kerjaya selepas tamat pengajian, untuk meneroka idea yang lebih bermutu untuk dipraktikkan pada masa akan datang.



BENGGEL PEMBUATAN TERRARIUM

Program ini adalah inisiatif Jabatan Senibina bagi menonjolkan kreativiti dan semangat keusahawanan diantara pelajar yang telah diadakan pada 15 Mei 2023. Pelajar perlu merekabentuk dan menyediakan satu terrarium serta menyediakan video kreatif untuk mempromosikan jualan terrarium yang dihasilkan.

Program ini melatih pelajar menjadi seorang usahawan dalam bidang landskap. Sebanyak 34 terrarium telah berjaya dihasilkan dan dijual kepada staf UMK, pelajar dan orang awam. Pelajar perlu menerangkan konsep, jenis tanaman yang digunakan dan cara penjagaan kepada pembeli.

Pelajar diberi pendedahan berkaitan jenis tanaman yang sesuai, medium seperti pasir, batu dan elemen-elemen yang berkaitan. Cara penjagaan, penyiraman dan pencahayaan juga diajar ketika penyediaan terrarium tersebut.



PROGRAM SYARAHAN JEMPUTAN KURSUS REKABENTUK PERABOT (SGD2363) UNTUK PROGRAM SENIBINA DALAMAN, SEMESTER FEBRUARI SESI 2022/2023

FSE

Pada 29 Mei 2023 telah di adakan Program Syarahan Jemputan bagi kursus Rekabentuk Perabot (SGD2363) dalam Program Senibina Dalaman, Semester Februari Sesi 2022/2023 di FSE, UMK Bachok. Program ini melibatkan 44 orang pelajar, 2 pensyarah kursus, dan 2 orang pensyarah jemputan dari program rekabentuk industri, FTKW. Tujuan utama program ini adalah untuk memberikan pengetahuan dan pemahaman yang lebih mendalam kepada pelajar mengenai penghasilan konsep reka bentuk perabot dan proses reka bentuk dalam konteks senibina dalaman. Program syarahan ini memberi peluang kepada pelajar untuk mendengar pandangan dan pengalaman dari para pakar industri dalam bidang rekabentuk perabot. Mereka dapat mengetahui *trend* terkini, teknik yang digunakan, serta cabaran yang dihadapi dalam industri rekabentuk perabot. Ini memberi mereka perspektif yang lebih luas dan membantu mereka dalam mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran dalam industri senibina dalaman.



PENENTUAN TEKSTUR TANAH

Sesi Syarahan bersama panel jemputan telah dilakukan di FSE pada 18 Mei 2023, dimana pelajar perlu menentukan tekstur tanah yang terdapat di sekitar UMK dan sekitar Muzium Negeri Terengganu.


Melalui projek ini, pelajar didedahkan dengan aktiviti praktikal bersama panel jemputan. Projek ini dapat memberi kesedaran kepada pelajar mengenai kepentingan tekstur tanah dalam merekabentuk sesebuah landskap. Impak daripada projek ini, pelajar lebih memahami dan mendalami spesifik tanah yang terdapat di Malaysia. Di samping itu, pelajar akan lebih memahami proses dalam mengumpul data di tapak kajian sebelum mereka bentuk sesebuah landskap.



Guest Lecture Series
SGL1362 Soil Science & Environmental


SOIL TEXTURE DETERMINATION

18 MAY 2023 8.00 - 10.00 AM



Speaker
Assoc. Prof. Ts. Dr. Ch'ng Huok Yuh
Faculty of Agro-based Industry (FAI)
Universiti Malaysia Kelantan, Jeli Campus

Moderator
Syahidah Amini Mahamad
Pentadbir
Jeli Campus






PROGRAM BENGKEL 3D PRINTING BAGI KURSUS REKABENTUK PERABOT (SGD2363) SEMESTER FEBRUARI SESI 2022/2023

Pada 29 Mei 2023, diadakan Program Bengkel 3D Printing bagi kursus Rekabentuk Perabot (SGD2363) dalam Program Senibina Dalaman, Semester Februari Sesi 2022/2023 di Fakulti Senibina Dan Ekistik.

Program ini melibatkan 44 orang pelajar, 2 orang pensyarah kursus, dan 2 orang pensyarah jemputan daripada program rekabentuk industri. Tujuan utama program ini adalah untuk memberikan pemahaman dan kemahiran kepada pelajar mengenai aplikasi teknologi 3D printing dalam penghasilan prototaip reka bentuk perabot. Aktiviti yang diadakan adalah sesi penerangan, demonstrasi praktikal teknik serta parameter pencetakan 3D yang betul.



Program 3D Printing ini memberi peluang kepada pelajar untuk memahami dan menguasai teknologi yang inovatif dan relevan dalam industri reka bentuk perabot. Mereka belajar tentang kelebihan teknologi 3D printing dalam mengurangkan kos, mempercepatkan proses dan membolehkan pelajar melihat prototaip rekabentuk secara fizikal



FBKT FYP 1 WORKSHOP SERIES

FBKT FYP 1 *Workshop Series* merupakan siri bengkel yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Projek Penyelidikan Tahun Akhir (PPTA) FBKT untuk memberikan pendedahan awal kepada pelajar-pelajar yang akan menjalankan projek penyelidikan tahun akhir berkenaan dengan teknik penulisan saintifik dan pencarian maklumat, aspek keselamatan makmal dan teori serta penggunaan alatan di makmal. Siri bengkel ini dibahagikan kepada beberapa bahagian utama iaitu Penulisan *Proposal*, Kursus Induksi Makmal dan Alatan serta kursus pendek berkenaan teori dan penggunaan alatan analisis seperti *UV-VIS Spectrophotometer*, *Fourier Transform Infrared (FTIR)*, *Gas Chromatography-Mass Spectrometry (GC-MS)*. Melalui bengkel ini diharapkan dapat membantu pelajar lebih bersedia untuk memulakan dan pelaksanaan PPTA di FBKT dapat berjalan lancar dan lebih sistematik.

FBKT FYP 1 WORKSHOP: LITERATURE REVIEW & PLAGIARISM

WEDNESDAY
10 MAY 2023 5.30 PM
Microsoft Teams:
<https://rb.gy/muobb>

FBKT FYP 1 WORKSHOP: Introduction to: UV-VIS FTIR GCMS HPLC

WEDNESDAY
17 MAY 2023
4.00 - 5.00 PM

Microsoft Teams:
<https://rb.gy/dylxd>

Speaker 1:
Dr. Wan Hasnidah Wan Osman

FBKT FYP 1 WORKSHOP: Work SAFELY or be SORRY!

Speaker:
Assoc. Prof. ChM. Ts. Dr. Wong Yee Ching

Things you need to know before you start your laboratory works

Speaker
Pn. Farah Mohamed
Science Officer, FBKT

Industrial Talk @FBKT

28 MAY 2023 (SUNDAY)

8:00 AM - 10:00 AM

LANSIUM ROOM (BK5)

COURSE >

FIT3173
Biopharmaceuticals Technology

TITLE >

Opportunities After Graduation for
Herbal Science graduates



SPEAKER >

Prof. Emeritus Dr. Rakmi binti
Abd Rahman



Program Industry@FBKT 2023 Siri 1 merupakan kesinambungan daripada program Industry@FBKT yang telah dijalankan pada pada sesi pengajian sebelum ini dimana wakil daripada pelbagai industri dijemput untuk menyampaikan input bagi kursus-kursus yang berkaitan. Bagi sesi pengajian semester Februari 2022/2023, empat kursus iaitu Teknologi Biofarmaseutikal (FIT3173), Proses Peningkatan Skala (FIT3143), Bahan Komposit dalam Pembuatan (EME2183) dan Sifat Fizik dan Mekanikal Kayu (EWT2103) telah menjemput penceramah daripada pelbagai latar belakang industri untuk berkongsi ilmu dan pengalaman masing-masing dalam bidang berkaitan.

FBKT

INDUSTRY@FBKT 2023 SIRI 1

Industrial Talk @FBKT

25 JUN 2023

8:00 - 10:00AM

zoom



TITLE >

HALEA & NatXtract:
From Lab to Commercial

COURSE >

FIT3143 - Sc



Speaker

Dr. Mariam Firdhaus Binti
Mad Nordin
Managing Director
A.M. Zaiden Ventures Sdn Bhd

Moderator



Objektif utama program ini adalah untuk mendedahkan para pelajar dengan pemain industri yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing agar mereka dapat memahami dengan jelas ilmu yang telah dipelajari di dalam kuliah dan juga aplikasi sebenar di industri. Diharapkan dengan perkongsian akan memberikan perspektif baharu dan juga nilai tambah kepada para pelajar FBKT.

Industrial Talk @FBKT

14 JUNE 2023 (WEDNESDAY)

11:00 AM

zoom



COURSE >

EME2183 - Composite
Materials in Manufacturing

TITLE >

Electroplating of Plastic
Materials



SPEAKER >

Mr. Faizal Bin Jalil
Head of Department
(Electroplating), HICOM Teck See
Manufacturing (M) Sdn Bhd



INDUSTRY@FBKT

2023

TITLE:

WOOD-BASED PRODUCTS: INDUSTRY QUALITY
REQUIREMENTS

COURSE:

EWT 2103:
WOOD PHYSICAL
AND MECHANICAL
PROPERTIES

Save The Date



- ✓ 25 June 2023
- ✓ 2.00- 4.00 pm
- ✓ Lansium Room (BK5)

SPEAKER



Ts. ChM. Dr. Yeoh Beng Hoong
Deputy Director (Technical & Administration)
Fiber and Biocomposite Center
(FIDEC) Banting

FBKT INTERNATIONAL GUEST LECTURE SERIES - UNRI



International
GUEST LECTURE

TOPIC:
Applications of Integration

15 June 2023
4:00 - 6:00pm

zoom 



Assoc. Prof. Dr. Syamsudhuha, M. Sc.
Dekan, Fakultas Matematika dan Ilmu Pengetahuan Alam (FMIPA), Universitas Riau (UNRI)

Organized by: Faculty of Bioengineering & Technology

Pada 15 Jun 2023, satu ceramah jemputan bertajuk Aplikasi Integrasi dalam Kalkulus telah diadakan oleh Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi, Universiti Malaysia Kelantan dan melibatkan peserta dari dua program iaitu Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bahan) dan Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bioindustri) melalui platform Aplikasi Zoom.

Penceramah jemputan yang dijemput ialah Prof. Madya Dr. Syamsudhuha dari Universitas Riau, Indonesia dan beliau mempunyai kepakaran yang dalam dalam bidang Matematik. Beliau yang berkelulusan PHD Matematik dari Pittsburgh State University, USA, telah menyampaikan satu pembentangan yang menarik dan informatif kepada audiens dalam talian yang terdiri daripada 150 orang peserta dan tajuk ceramah beliau adalah Aplikasi Kamiran (Isipadu) dalam Kalkulus.

LAWATAN DAN MESYUARAT PELAKSANAAN PENGAJARAN KURSUS BAHASA JEPUN



Lawatan dan Mesyuarat Pelaksanaan Pengajaran Kursus Bahasa Jepun pada 29/5/2023 di Pusat Pendidikan Al-Amin Berhad, Telipot, Kota Bharu.

Tenaga pengajar unit Bahasa Jepun akan melaksanakan kursus Bahasa Jepun di Pusat Pendidikan Al-Amin Tropicana bermula pada bulan Jun ini untuk semua pelajar-pelajar Tingkatan 1 dan 2. Kursus tersebut merangkumi 3 tahap penguasaan Bahasa Jepun dan melibatkan kesemua kemahiran berbahasa termasuk bertutur, menulis, mendengar dan membaca.

FBI



FBKT




PENGAJARAN & PEMBELAJARAN



PROGRAM SULAM-GEAR UP 4 STEM

07 Jun 2023 | Program *Gear Up 4 STEM*, UMK@School telah berlangsung dengan jayanya pada 7 Jun 2023 yang melibatkan 10 buah sekolah dengan jumlah penglibatan pelajar adalah seramai 320 orang. Antara sekolah yang terlibat adalah MRSM Kuala Krai, MRSM Jeli, SMK Jeli, SK Jeli 1, SK Jeli 2, SK Gemang, SK Ayer Lanas, SK Batu Melintang, SK Pendok dan SK Sungai Rual. Program ini merupakan sebahagian daripada pelaksanaan *Program Student Service Learning (SULAM)* yang melibatkan 5 kursus akademik di FBKT iaitu;



- Kursus EME 3263 (Bahan Dalam Perubatan) seramai 27 orang.
- Kursus EFT 1023 (Biodiversiti) seramai 141 orang.
- Kursus EMT 3323 (Kemajuan Dalam Teknologi Bahan) seramai 71 orang
- Kursus FFT 1083 (Mikrobiologi) seramai 141 orang
- Kursus EWE 33103 (Teknologi Kertas Pembungkus) seramai 62 orang.

BENGGKEL APEL A

15 Mei 2023 | Bengkel APEL A dianjurkan bagi memberi pendedahan mengenai proses pengendalian APEL A dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Bengkel ini dengan jayanya dikendalikan oleh prof. Madya Dr. Mohamad Afzhan Khan iaitu Pengarah Pusat APEL melibatkan pensyarah yang dipilih oleh setiap fakulti. Hasil daripada bengkel ini, peserta mendapat pencerahan yang jelas mengenai proses pengendalian APEL A dan diberi tunjuk ajar bagaimana untuk menubuhkan dan menguruskan pusat APEL A di UMK.



WACANA INSANI

Wacana Insani pada kali ini mengundang dua orang panel yang memiliki kepakaran dalam mengupas topik-topik yang telah dikaji dengan mendalam dalam bidang masing-masing. Setiap panel membentangkan tajuk masing-masing dan perbincangan mendapat perhatian daripada semua audiens yang hadir. Pelbagai persoalan yang ditimbulkan dan dijelaskan dengan baik oleh para ahli panel. Maklum balas peserta yang hadir nyata menggambarkan kepuasan menghadiri wacana ini kerana banyak memberi pendedahan baru tentang islamophobia dan juga psikologi budaya. Program Wacana ini telah berjaya dilaksanakan pada 21 Jun 2023 (Rabu) di Bilik Mesyuarat Tok Kenali, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, UMK Bachok.

**PROGRAM WACANA
INSANI FBI
SIRI II/2023**

Tarikh : 21 Jun 2023 (Rabu)
Masa : 10-1 tengah hari
Tempat : Bilik Tok Kenali, FBI

Penceramah I

Dr Azizah Binti Hussin
(Islamofobia Tiada Penghujung)



Penceramah II

PM Dr Yohan Kurniawan
Psikologi Budaya: Kepercayaan Terhadap Bomoh dan Makhluk Ghaib dalam Kalangan Masyarakat Melayu di Indonesia



Logos of various institutions and organizations are displayed at the bottom of the poster.





LAWATAN PENANDA ARAS SERVICE LEARNING MALAYSIA – UNIVERSITY FOR SOCIETY (SULAM) DI UKM DAN UPM

Satu lawatan penanda aras SULAM ke CADe, UPM dan PPCU, UKM telah diadakan pada 29 dan 30 Mei 2023. Lawatan ini disertai oleh Ketua Jabatan Keusahawanan FKP dan lima orang ahli Jawatankuasa SULAM dari FKP. Objektif lawatan ini adalah untuk mengadakan perkongsian idea kreatif dari segi kepakaran, pengalaman, kemahiran serta kejayaan dari universiti lain dalam aktiviti SULAM. Selain itu, memberikan pendedahan secara langsung dan pengetahuan baharu kepada jawatankuasa SULAM dan pemilik kursus tentang pelaksanaan dan pembangunan program SULAM serta membudaya dan memantapkan aktiviti SULAM dalam di peringkat fakulti.



WEBINAR “TEACHING WITH CHATGPT SERIES 2: PRACTICAL TIPS & STRATEGIES”

Webinar kali ini adalah kesinambungan daripada Siri Pertama dibawah tajuk "AI and ChatGPT: Opportunities and Risks for Education" yang mengupas tentang sistem dan teknikal di belakang tabir ChatGPT.

Dalam Siri 2 yang telah diadakan pada 4 April 2023, webinar terarah kepada penggunaan ChatGPT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara khusus. Antara objektif webinar adalah untuk memberi panduan kepada pensyarah tentang penggunaan ChatGPT dalam pengajaran dan pembelajaran, melatih pelajar supaya dapat memanfaatkan ChatGPT sebaiknya dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan membudayakan corak pengajaran dan pembelajaran yang terkini.


Webinar ini telah disertai oleh seramai 300 orang staf akademik UMK dan beberapa IPTA & IPTS luar seperti UIA, UMT, UNIMAP, UKM, USIM, UPSI, UTHM, UMP, UM, UiTM, UKM, UniKL, UTP, dan MMU.



WEBINAR SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG) “STRATEGIES AND INNOVATIONS IN EDUCATION FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT (SDG 4: QUALITY EDUCATION)”

Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) bersama Bahagian Penerbitan dan Penarafan (PRD), Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) dibawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Kelantan telah menganjurkan webinar berkaitan sustainable development goals (SDG) pada 16 April 2023 (Ahad).

Objektif penganjuran webinar ini adalah bagi menerangkan latar belakang, dasar dan asas kepada SDG4, objektif dan matlamat SDG4, halatuju SDG4, serta isu dan cabaran dalam SDG4. Seramai 75 orang staf akademik UMK telah mengikuti program tersebut.





LAWATAN AUDIT SURVEILLANCE KE-2 MS ISO 9001:2015 OLEH SIRIM BERHAD

Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) telah disenaraikan dalam Jadual Lawatan Audit Surveillance ke -2 MS ISO 9001: 2015 pada 8 Mei 2023 (Isnin) secara fizikal di Pejabat PKPA, UMK Bachok.

Pencapaian bagi Lawatan Audit Surveillance ke -2 MS ISO 9001: 2015 adalah 0'OFI dan 0'NCR.

KURSUS PENYELIAAN PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH (MOD PENYELIDIKAN) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN SIRI 1/2023

PENGANJURAN WORKSHOP ON APEL.A (ACCESS): TOWARDS BECOMING AN APEL.A CENTRE

Pusat Pendidikan Luar Universiti Malaysia Kelantan (UMKCEE) dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan (PKPA) dan Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat (BAKAT), Pejabat Pendaftar telah menganjurkan satu Workshop on APEL.A (Access): *Towards Becoming an APEL.A Centre* pada 15 Mei 2023 di Bilik MGSEB, UMK Kampus Kota (Blok B). Penceramah jemputan adalah staf Pusat Latihan Jaminan Kualiti Malaysia (MQATC).

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Kursus
PENYELIAAN PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH (MOD PENYELIDIKAN) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
Siri 1 2023

10 Mei 2023 (Rabu)
 8.30 pagi – 5.00 petang

Bilik Seminar 1, Aras 2, Bangunan Canselor, Universiti Malaysia Kelantan Bachok

SCAN FOR REGISTRATION

PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK (PKPA), PEJABAT TIBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

MOA Agensi Kelayakan Malaysia Malaysian Qualifications Agency

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Workshop
 ON APEL.A (ACCESS)
 TOWARDS BECOMING AN APEL.A CENTRE

bersama
 PUSAT LATIHAN JAMINAN KUALITI MALAYSIA (MQATC)

15 MAY 2023 (ISNIN) | BILIK MGSEB, UMK KAMPUS KOTA

Kepada bersama:
 Penceramah Jemputan: Prof. Dr. (Dr.) M. K. (Dr.)
 Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA)
 Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat (BAKAT)



SULAM INNOVATE 2023 COACHING SESSION

18 May 2023 (Thursday)
9.45 am – 5.00 pm
Platform:
Zoom Meeting



Speaker:
Puan Nor Haslinawati binti Mohd Saad
Head of Programme
Architectural Technology Certificate
Kolej Komuniti Kuala Terengganu

Briefing and Coaching Session 1
Category : **SULAM Project**
10.00 am - 1.00 pm



Speaker:
Dr Hamidah Binti Idris
Senior Lecturer
Faculty of Sciences and Mathematics
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Briefing and Coaching Session 2
Category : **SULAM Concept Project**
2.00 pm - 4.45 pm

SESI COACHING DAN PEMURNIAN DOKUMEN BAGI PENYERTAAN PERTANDINGAN SULAM INNOVATE 2023 (SULAM IDEATION, INVENTION, & INNOVATION CHALLENGE)

Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) menganjurkan Sesi Coaching dan Pemurnian Dokumen bagi penyertaan pertandingan SULAM Innovate 2023 (SULAM *Ideation, Invention and Innovation Challenge*). Sesi ini diadakan bagi memberikan bimbingan kepada peserta dalam penyediaan dokumen SULAM Innovate 2023 yang unggul.

PKPA

BENGGKEL PEMBANGUNAN STRUKTUR KURIKULUM FLEKSIBEL & HYFLEX

Pusat Kecemerlangan & Pembangunan Akademik (PKPA) akan menganjurkan Bengkel Pembangunan Struktur Kurikulum Fleksibel & Hyflex pada 11 Jun 2023 (Ahad) secara bersemuka di Bilik Seminar 1, Aras 2, Pejabat Pendaftar, UMK Bachok. Antara objektif utama penganjuran bengkel ini adalah sebagai panduan kepada pihak pengurusan fakulti tentang komponen dan kriteria pembangunan struktur kurikulum fleksibel & hyflex bagi memenuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh JPT dan Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Agency-MQA). Bengkel Pembangunan Struktur Kurikulum Fleksibel & Hyflex adalah bagi memberi pendedahan dan pemahaman mengenai komponen dan kriteria yang perlu diterjemahkan dalam proses pembangunan struktur kurikulum fleksibel & hyflex.



LAWATAN KERJA INDEKS KELESTARIAN PROGRAM (IKP) DAN SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

PKPA

Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Universiti Malaysia Kelantan mengadakan Lawatan Kerja Indeks Kelestarian Program (IKP) dan Sustainable Development Goals (SDG) ke Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM). Lawatan ini telah diadakan pada 19 Jun 2023 (Isnin) di Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), UiTM Shah Alam. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk berkongsi idea dari segi kepakaran, pengalaman, serta kemahiran daripada InQKA UiTM dalam pembangunan dan pelaksanaan Indeks Kelestarian Program. Memandangkan Indeks Kelestarian Program (IKP) dari InQKA UiTM telah lama dibangunkan dan dilaksanakan, sudah tentu banyak pengalaman yang telah diperolehi terutama dari segi keupayaan untuk memastikan kemampunan program akademik yang ditawarkan sekaligus mampu menjamin nilai kebolehpasaran graduan yang dilahirkan.



LAWATAN KERJA SERVICE LEARNING MALAYSIA – UNIVERSITY FOR SOCIETY (SULAM) DI UNIVERSITI MALAYA (UM)

Lawatan kerja ini telah diadakan pada 20 Jun 2023 di Pusat Latihan Intern Dan Pengayaan Akademik (CITra) dan Indeks Kelestarian Program (IKP) Academic Strategic Planning Centre (ASP Centre), Universiti Malaya (UM). Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk berkongsi idea dari segi kepakaran, pengalaman, serta pendedahan daripada universiti tersebut dalam pelaksanaan struktur kurikulum fleksibel dan hyflex, kaedah penyampaian kurikulum serta pentaksiran SULAM, SDG dan pelaksanaan Indeks Kelestarian Program yang akan dapat membantu fakulti dalam pembangunan dan pelaksanaan perkara tersebut di UMK.



BENKEL HASIL DAPATAN LAWATAN KERJA PEMBANGUNAN STRUKTUR KURIKULUM FLEXIBEL & HYFLEX, INDEKS KELESTARIAN PROGRAM (IKP) DAN SULAM

Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Universiti Malaysia Kelantan mengadakan Bengkel Dapatan Lawatan Kerja ke UiTM dan UM pada 20 Jun 2023 bagi menyediakan proses gerak kerja untuk dilaksanakan di Universiti Malaysia Kelantan meliputi Pembangunan Struktur Kurikulum Flexibel & Hyflex, Indeks Kelestarian Program (IKP) dan SULAM.

INTERNATIONAL TEACHING ENHANCEMENT & LEARNING INNOVATION CARNIVAL (ITELIC) 2023

Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) menganjurkan International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival (iTeLIC) 2023 pada 5 hingga 6 Julai secara dalam talian yang bertemakan “Mosaic of Hyflex Teaching and Learning” 5 & 6 Julai 2023 secara dalam talian.

BENKEL SEMAKAN DASAR LATIHAN

Bahagian Pengurusan Dan Kecemerlangan Bakat (BPKB), Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik telah mengadakan Bengkel Semakan Dasar pada 27 Jun 2023 (Selasa) di Bilik Lembaga Senat, UMK Kampus Kota.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menyemak dasar-dasar latihan yang digunakan di UMK.



ITeLIC'23
International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival 2023
MOSAIC HYFLEX TEACHING AND LEARNING

05 JULY WEDNESDAY
9.30AM - 1.00PM
Virtual Judging Session via e-Booth on iTeLIC 2023 Website

06 JULY THURSDAY
9.00AM - 9.50AM
Registration of Participants via Zoom Platform

10.15AM - 10.30AM
Welcoming Remark
Assoc. Prof. Dr. Mohamad Najmi bin Mazri
Director
Center for Academic Excellence and Development (CAED)
Universiti Malaysia Kelantan

10.30AM - 11.30AM
Opening Speech
Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad
Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)
Universiti Malaysia Kelantan

11.30AM - 12.00PM
Keynote Speaker
Assoc. Prof. Ts. Dr. Muhamad Helmi Norman
Deputy Director of Instructional Technologies for the Center of Teaching and Curriculum Development
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Title: Re-engineering Hyflex Learning Environments For Higher Education

1.00PM - 2.30PM
Break and Lunch

2.30PM - 3.00PM
Announcement of Awards and Closing Remark

KEYNOTE SPEAKER
ASSOC. PROF. TS. DR. MUHAMAD HELMI NORMAN
Dep. Director of Instructional Technologies
Centre of Teaching and Curriculum Development,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Re-engineering Hyflex Learning Environments For Higher Education
July 6, 2023
10:30 am - 11:30 pm (Malaysia Time)
Moderator : Mr. Mohd Bin Mahmud

KEYNOTE SPEAKER
ADRIAN CHEONG
Learning & Engagement Specialist,
Public Sector & Education
LinkedIn Learning, Singapore
Co-creating a Blended Learning Environment with LinkedIn Learning
July 6, 2023,
11:30 am - 12:00 pm (Malaysia Time)
Moderator : Mr. Mohd Bin Mahmud

ITeLIC'23 Universiti Malaysia KELANTAN

PENYERTAAN LUAR

UTHM (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia), UMS (UNIVERSITI MALAYSIA SABAH), UPM (National Science University of Malaysia), UUM (Universiti Utara Malaysia), UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, UNIMAS (UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK), UNISZA (UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN), UPM (UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA), POLITEKNIK MALAYSIA, KPTM (KOLEJ POLY-TECH MARA)



KERJASAMA AKADEMIK



KERJASAMA ANTARA UMK DENGAN SRI

31 Mei 2023 | Sesi perbincangan antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan Sunrise Group of Institution (SRI) berkenaan kerjasama akademik antara kedua-dua belah pihak.

UMK telah diwakili oleh YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran bin Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK dan SRI diwakili oleh YBhg. Dato' Hj. Nazarudin bin Abdul Jalil, Penasihat Kanan SRI.

Kedua-dua belah pihak telah bersetuju untuk bekerjasama dalam pelaksanaan Program *Joint Degree* dan *Executive Program*.

Satu Memorandum Persefahaman (MoU) akan ditandatangani antara kedua-dua belah pihak bertujuan mengukuhkan lagi kerjasama ini.



LAWATAN PENANDA ARAS DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) DAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

Lawatan Penanda Aras ini dilakukan di dua Instituti Pengajian Awam di Malaysia iaitu Kolej Alam Bina, UiTM Puncak Alam dan Fakulti Rekabentuk dan Alam Bina UPM pada 15 dan 16 Jun 2023. Tujuan lawatan ini adalah bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan bagi penyediaan semakan kurikulum program Senibina Landskap. Seramai empat wakil pensyarah Jabatan Senibina Landskap, FSE, LAr. Ts. Dr Ramly Hasan, LAr. Ayub Awang, Dr Nor Hamizah Abdul Hamid dan Dr Nor Liyana Ramlee telah mengikuti lawatan ini. Impak daripada lawatan ini adalah dapat melihat infrastruktur, cara pengajaran, kemudahan, subjek yang diajar dan jam kredit yang telah ditetapkan bagi setiap kursus. Selain itu, sesi soal jawab bersama pensyarah yang terlibat telah dilakukan berkaitan badan professional, ambilan staf, ambilan dan aktiviti pelajar. Oleh itu, penambahbaikan akan dilakukan bagi memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran terjamin.

LAWATAN PEMANTAUAN LATIHAN INDUSTRI DAN JARINGAN INDUSTRI FBKT

Delegasi FBKT telah mengadakan lawatan ke hampir 20 buah industri terpilih sekitar Semenanjung Malaysia. Pemilihan lokasi lawatan dibuat berdasarkan keberadaan pelajar FBKT yang sedang menjalani latihan industri dan juga berpotensi untuk menjalinkan kerjasama akademik dan penyelidikan. Agenda utama yang menjadi misi delegasi fakulti adalah pemantauan latihan industri, perbincangan kolaborasi bagi program Work Based Learning (WBL) dan promosi program pascasiswazah industri. Antara industri yang dilawati adalah BBraun Medical Industries, FPG Oleochemicals, Polypaq, Plexus Manufacturing, Gunung Seraya Wood Products, ND Paper Malaysia (Selangor) dan Dwisolar.



LAWATAN HORMAT DAN SESI PERBINCANGAN DI ANTARA FHPK DAN RESORT WORLD GENTING, MALAYSIA

Lawatan hormat dan sesi perbincangan secara fizikal di Genting Highland telah diadakan pada 14 - 16 Jun 2023 yang dihadiri oleh Dekan FHPK, Prof. Madya Dr. Roslizawati Che Aziz, Timbalan Dekan Akademik FHPK, Dr. Ruzanifah Kosnin, Timbalan Dekan Akademik FKP, Dr. Wan Farha, dan Ketua penyelaras latihan industri FHPK, Dr. Nor Syuhada Zulkefli. Lawatan ini bertujuan untuk mengadakan MoU dan membincangkan aktiviti yang boleh dilakukan bersama dengan pihak Genting Malaysia Berhad. Lawatan ini mendapat jemputan daripada pihak Genting untuk melawat beberapa outlet milik Genting Malaysia Berhad yang boleh menempatkan pelajar UMK dan FHPK khususnya menjalani latihan industri dan program apprentice 3u1i. Lawatan ini akan memberi impak dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan FHPK dan UMK. Selain itu, beberapa aktiviti telah dibincangkan untuk membantu pelajar dalam menempatkan diri di industri dan kerjasama dalam menjayakan beberapa program termasuklah program Development of Career Path with Genting Industry dengan pelajar tahun akhir.



PROGRAM LAWATAN AKADEMIK KE PERAK UNTUK KURSUS SGD2358 STUDIO REKABENTUK SENIBINA DALAMAN IV

Pada tarikh 14 hingga 17 Mei 2023, telah diadakan Lawatan Akademik ke Perak bagi kursus SGD2358 Studio Rekabentuk Senibina Dalaman IV Sesi Februari 2022/2023 di Ipoh, Perak. Lawatan ini melibatkan 36 orang pelajar dari kohort 6 serta 1 pensyarah pengiring.

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk memberikan pengalaman praktikal kepada pelajar dalam mengkaji dan mengaplikasikan prinsip rekabentuk senibina dalaman dalam konteks rujukan negeri Perak.

Lawatan ini melibatkan beberapa lokasi yang penting dan bersejarah di Ipoh, Perak. Antara tempat lawatan termasuk Ipoh Heritage Row, Ipoh Tourism Center, Ipoh Plan-B, Anjung Singgah Ipoh, Gua Tempurung, Tourism Perak Malaysia, dan Kellie's Castle.

LAWATAN KOLABORASI DAN PERBINCANGAN PROGRAM PREMIER DIGITAL TECH UNIVERSITIES AND POLYTECHNICS (PDTI)

FSDK

22 Mei 2023 | Delegasi Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK) yang diketuai oleh Dekan FSDK telah mengadakan lawatan di Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) serta menghadiri sesi perbincangan mengenai program Premier Digital Tech. Universities and Polytechnics (PDTI). Turut hadir bersama adalah pegawai daripada pembangunan Bakat Teknologi Digital Pendidikan MDEC adalah En. Azmar Hisham dan En. Taufiq.

Sesi perbincangan dimulakan dengan pengenalan mengenai latar belakang FSDK, Program PDTI dan strategi FSDK untuk menjadi salah satu ahli PDTI. Selain itu, FSDK berharap mendapat peluang kolaborasi untuk kompetensi kemahiran digital, geran, dan perundingan dan dana fizikal serta non-fizikal bagi program digital IR4.0 di Kelantan.





MOBILITI & ANTARABANGSA

PENGANJURAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENGARAH ANTARABANGSA UNIVERSITI AWAM KALI KE 28 DI UMK

10 dan 11 Mei 2023|Universiti Malaysia Kelantan menerusi UMK International (UMKI) telah menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengarah Antarabangsa Universiti kali ke-28 bermula 10 dan 11 Mei 2023. Mesyuarat kali ini melibatkan kehadiran hampir 50 orang wakil-wakil Pengarah Antarabangsa daripada semua Universiti Awam di Malaysia. Program tersebut dimulakan dengan ucapan aluan daripada Pengarah UMKI. Prof. Madya Dr. Ng Siew Foen dan mesyuarat telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMK. Prof. Dato' Dr. Razli bin Che Razak.

Hari Pertama program tersebut dimulakan dengan dua siri bengkel berfokuskan kepada *Edutourism*, Keselamatan, Pertahanan dalam Pengantarabangsaan. Kesemua delegasi kemudiannya menyertai *cruise* di sepanjang Sungai Kelantan bermula Kampung Laut dan diakhir dengan majlis makan malam di restoran tebing sungai Kelantan.

Hari kedua program dimulakan dengan ucapan daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad. Mesyuarat JKPA dipengerusikan oleh Dr. Zainab binti Noor, Pengarah Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa, UiTM. Pihak EMGS, BEM dan SIGS telah membentangkan dalam mesyuarat tersebut. Pihak UMK mengucapkan sekalung penghargaan kepada semua delegasi yang menghadiri program ini.



UMKI



UMKI
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN
BANGUNAN CANSELORI



MARK YOUR CALENDAR FOR THE

EMGS
AT YOUR SERVICE

TOWN HALL WITH MALAYSIAN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS

20TH JUNE 2023
TUESDAY

STAY TUNED FOR OUR UPDATES

educationmalaysia.gov.my Education Malaysia Official educationmalaysia.official educationmalaysia.my educationmalaysia.gov.my

PEMANTAPAN PENGURUSAN VISA DAN PAS PELAJAR ANTARABANGSA UNIVERSITI AWAM

27 dan 28 Mei 2023 | UMK International (UMKI) telah menyertai satu bengkel pemantapan pengurusan Pas dan Visa pelajar antarabangsa universiti awam anjuran Pusat PUTRA Antarabangsa (i-PUTRA). Bengkel tersebut telah diadakan bermula pada 27 sehingga 28 Mei 2023 bertempat di Hotel Everly, Putrajaya. Objektif penganjuran bengkel ini adalah sebagai platform perkongsian tadbir urus terbaik dalam pengurusan pas dan visa pelajar antarabangsa di universiti awam. Selain itu, bengkel ini juga meningkatkan kecekapan pihak EMGS dan JIM dalam membantu universiti awam berkenaan pengurusan pas dan visa pelajar antarabangsa. Bengkel ini merupakan hasil cetusan mesyuarat JKPA dan dibantu oleh i-PUTRA sebagai Special Interest Group on Visa and Welfare. Bengkel julung-julung kalinya dianjurkan ini, telah dihadiri oleh hampir 100 wakil daripada 18 buah Universiti Awam, wakil daripada Jabatan Imigresen Malaysia dan wakil pihak Education Malaysia Global Services (EMGS).

SESI DIALOG BERSAMA EMGS

20 Jun 2023 | Wakil daripada Pusat Antarabangsa UMK telah menghadiri satu sesi dialog awam antara institusi Pendidikan Tinggi Malaysia anjuran Education Malaysia Global Service (EMGS) bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 20 Jun 2023. Pada sesi tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) EMGS, En. Novie Bin Tajuddin telah membentangkan peranan dan latar belakang EMGS, kerangka dan pengurusan pelajar antarabangsa di Malaysia. Selain itu, pihak EMGS turut menekankan kepentingan proses kelulusan pas pelajar menggunakan sistem STARS serta pelan strategic bagi pemasaran dan korporat EMGS. Sesi kali ini telah dihadiri oleh ramai wakil daripada institusi pendidikan tinggi negara samada daripada sektor awam dan juga swasta. Hasil penglibatan pihak Pusat Antarabangsa UMK (UMKI) dalam sesi ini dapat meningkatkan pengurusan pelajar antarabangsa di UMK seterusnya meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa dalam usaha mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan oleh UMK dan juga KPT.



MEMPROMOSIKAN UMK DI BRUNEI

15 dan 16 Jun 2023 | Delegasi daripada UMK telah mengadakan satu lawatan kerja di Brunei. Lawatan kerja tersebut dimulakan dengan lawatan ke Universiti Brunei Darussalam (UBD). Delegasi UMK diketuai oleh Timb. Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Dekan FSDK, Dr. Hasyiya Karimah Binti Ali, Timbalan Dekan FSDK, Ts. Dr. Hadhrami Bin Ab Ghani dan Timbalan Pengarah Pusat Antarabangsa UMK (UMKI), Dr. Nurul Akmar Binti Che Zaudin.

Wakil UBD pula diketuai oleh Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Global) Dr. Joyce Teo Siew Yean, Timbalan Pengarah, Dr. Sabrina Binti Dato Paduka Haji Daud, Pengarah Pejabat Penolong Naib Canselor (Innovation and Enterprise) Pengiran Dr. Emeroylariffion Bin Pengiran Haji Abas dan Pengurus Program Discovery Year (DY), Dayang Asnah Binti Haji Yusof. UBD dan UMK telah membincangkan secara aktif sebarang kerjasama akan datang bermatlamat memberi faedah kepada kedua-dua universiti.

Delegasi UMK seterusnya mengadakan lawatan ke Universiti Teknologi Brunei (UTB). Wakil UTB diwakili oleh Penolong Naib Canselor (Akademik), Dr. Hajah Ena Kartina Binti Haji Abd Rahman. Lawatan kerja tersebut telah membincangkan potensi kerjasama dalam bidang penyelidikan, akademik dan program pertukaran pelajar.



PROGRAM OUTREACH KOMUNITI UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (UBD) DI UMK

1 Jun 2023 | Pihak UMKI telah menerima kehadiran Penolong Pengarah Studies Malaysia/Singapura, Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam, Puan Megawati Abdul Kadir ke UMK Kampus Kota. Tujuan lawatan beliau adalah bagi pemantauan 9 orang pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang sedang menjalani program Outreach Komuniti dibawah Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan di UMK Bachok bermula 1 Mei sehingga 31 Julai 2023. Selain itu, beliau turut membincangkan dengan pihak UMKI berkenaan prosedur permohonan pas mobiliti.



PAMERAN PENDIDIKAN DI CHITTAGONG, BANGLADESH

25 sehingga 27 Mei 2023 | UMK menerusi UMKI telah menyertai pameran pendidikan anjuran EMGS bertempat di Sarina Hotel, Dhaka, Bangladesh. Selain penyertaan dalam pameran pendidikan tersebut, beberapa siri jaringan kerjasama telah diadakan bersama pengetua dan guru kaunselor tempatan dalam usaha menarik minat pelajar ke UMK. Pada pameran tersebut, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Bangladesh, Yang Terutama Haznah Binti Md. Hashim telah menyampaikan ucapan perkongsian mengenai landskap pendidikan Malaysia bersama CEO EMGS En. Novie Tajuddin. Menerusi penglibatan UMK pada pameran pendidikan tersebut, UMKI mensasarkan lebih ramai pelajar Bangladesh akan menyambung pengajian ke UMK berdasarkan persamaan budaya, makanan, agama dan gaya hidup antara dua negara, Bangladesh dan Malaysia.




SESI KETERLIBATAN BERSAMA RAKAN STRATEGIK DAN EJEN DARIPADA CHINA

20 Mei 2023 | Sesi keterlibatan bersama rakan strategik dan ejen daripada China telah diadakan sepanjang lawatan kerja UMK ke China. Siri sesi tersebut telah diadakan bagi menambahbaik hubungan antara kedua-dua belah pihak (UMK dan China). Antara program yang telah disasarkan dapat ditingkatkan daripada sesi keterlibatan tersebut adalah penambahan pelajar daripada China, kerjasama mobiliti daripada universiti-universiti di Beijing. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Encik Zhong, Eddie, Ruby Liu, Kenneth Quah dan Chris Wong atas perkongsian mereka mengenai keadaan pasaran dan potensi China.



CHONGQING/ BEIJING/ JIANGXI : STUDY IN UMK TOUR

23 Mei 2023 | Pada 23 Mei 2023, delegasi wakil UMK diketuai oleh Timb. Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad bersama Pengarah Pusat Antarabangsa UMK (UMKI) Prof. Madya Dr. Ng Siew Foen telah mengadakan lawatan ke Jiangxi Institute of Fashion Technology. Institut tersebut merupakan kolej prasiswazah awam yang terletak di Selatan Subbandar Bandar Nanchang dalam jajahan Jiangxi. Institut Jiangxi mempunyai kolej rekaan fesyen, sekolah kejuruteraan fesyen, sekolah seni reka bentuk, kolej fesyen media, sekolah perniagaan dan sekolah keusahawanan. Pada lawatan tersebut, delegasi UMK telah berpeluang mengadakan perbincangan bersama pihak pengurusan tertinggi institut tersebut berkenaan kerjasama dalam program 2+2, program Sarjana secara mod kerja kursus, peluang melanjutkan pengajian dalam bidang Doktor Falsafah bagi tenaga pengajar di sana, program pertukaran pelajar dan staf seperti penilaian kursus di bawah bahagian fesyen dan tekstil. Institut JIFT telah diwakili oleh Presiden, Prof. Xue Jiabao, Gan Yingjin, Timbalan Presiden (International Cooperation and Exchange Committee) Liu Youfa, Pengarah (International Exchange and Cooperation Division) dan Min Yue, Pengarah (Science and Technology Industry Division). Perbincangan awal antara pihak JIFT dan UMK telah menghasilkan perkembangan yang sangat memberangsangkan dan satu perancangan bagi menandatangani MoU telah diaturkan.




UMK & JXUFE

22 Mei 2023 | Satu perbincangan membina telah diadakan antara UMK dan JXUFE. Kolej Ekonomi Moden dan Pengurusan Universiti dan Kewangan serta Ekonomi Universiti Jiangxi merupakan kolej prasiswazah yang berteraskan kepada bidang pengurusan dan ekonomi. UMK telah diwakili oleh Timb. Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad bersama Pengarah UMKI Prof. Madya Dr. Ng Siew Foen. Manakala wakil pihak JXUFE adalah President, Wang Jinhai Deng Zhi, Pengarah (Personnel Department) Wang Nini, Pengarah (Academic Affairs Department), Peng Yulin, Bahagian (Recruitment and Employment), Gao, Pengarah International Cultural Exchange Center, Wang Jingjun, Pengarah Scientific Research Department, dan He Xiaoqin, Dekan bagi Bahagian Bahasa Asing. Antara intipati perbincangan tersebut adalah program pertukaran staf dan pelajar, penyeliaan pelajar sarjana daripada China, kerjasama penyelidikan dalam pemetaan geran, penawaran program sarjana dalam kerja kursus dan program Ijazah Doktor Falsafah. Kedua-dua belah pihak, UMK dan JXUFE telah bersetuju untuk menandatangani MoU dalam masa terdekat sebagai langkah awal kerjasama.



KERJASAMA ANTARA UMK DAN BEIJING WUXI UNIVERSITY (BWU)

19 Mei 2023 | Satu mesyuarat telah diadakan bertempat di Beijing Wuxi University (BWU) bermatlamat dalam membincangkan prospek kerjasama antara UMK dan BWU. UMK telah diwakili oleh Timb. Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad dan Pengarah Pusat Antarabangsa UMK, Prof. Madya Dr. Ng Siew Foen manakala BWU telah diwakili oleh Pengarah merangkap Dekan Sekolah Antarabangsa Prof. Dr. Han Xing dan timbalan beliau merangkap Pengarah Logistik, Dr Hua Lu. Perbincangan tersebut berkisarkan kepada penawaran program 2+2, kerjasama program keserjanaan, pertukaran pelajar dan pensyarah secara mobiliti, tajaan dan biasiswa serta kerjasama penganjuran persidangan bersama.



PROMOSI UMK DI CHONGQING/ BEIJING/ JIANGSHI

17 – 23 Mei 2023 | UMKI telah menyertai satu lawatan promosi pendidikan bermula pada 17 hingga 23 Mei 2023 bersempena Pameran The Fifth Western China International Affair for Investment & Trade (WCIFIT) bertempat di Chongqing, China. Menerusi penyertaan dan penglibatan bersama di ruangan pameran Study in Malaysia, UMK mensasarkan lebih ramai pelajar daripada Chongqing melanjutkan pengajian dalam program-program yang ditawarkan di UMK samada di peringkat Sarjana Muda mahupun Sarjana.





MGSEB

**PROGRAM
LAWATAN MOBILITI
DARI UNIVERSITI
ORADEA, ROMANIA
KE UMK MGSEB**

30 Jun - 07 Julai 2023 | Program Lawatan Mobiliti dari Universiti Oradea, Romania ke MGSEB di UMK Kampus Kota bagi membincangkan mengenai aktiviti-aktiviti pembangunan akademik, penerbitan, penyelidikan dan inovasi antarabangsa. Selain itu, membincangkan mengenai peluang kerjasama akademik di antara UMK dengan Universiti Oradea, Romania.



**LAWATAN KE UNIVERSITI
MALAYSIA KELANTAN (UMK) OLEH
PERWAKILAN UNIVERSITI
CIPUTRA, SURABAYA**

15-17 Mei 2023 | MGSEB telah menerima lawatan daripada perwakilan Universiti Ciputra, Surabaya. Lawatan ini menghasilkan perbincangan dan kerjasama yang bermanfaat antara kedua-dua institusi.

PROGRAM LAWATAN AKADEMIK DAN PROGRAM MOBILITI KE BANGKOK, THAILAND UNTUK KURSUS SGD4348 SENIBINA DALAMAN VII

Pada tarikh 21 hingga 24 Mei 2023, telah diadakan Program Lawatan Akademik dan Program Mobiliti ke Bangkok, Thailand untuk Kursus SGD4348 Senibina Dalaman VII dalam Ijazah Sarjana Muda Senibina Dalaman di Fakulti Senibina Dan Ekistik, Universiti Malaysia Kelantan. Program ini melibatkan 15 orang pelajar dan 2 pensyarah kursus.

Tujuan utama program ini adalah untuk memberikan peluang kepada pelajar menyertai lawatan akademik ke Universiti King Mongkut's Institute of Technology Ladkrabang Prince of Chumphon Campus di Thailand dan menjalankan kajian kes serta pendedahan secara terperinci mengenai projek yang dijalankan. Pelajar diberi penerangan dan taklimat mengenai program senibina dalaman dan projek-projek yang dijalankan di universiti tersebut. Hasil lawatan tersebut, pelajar dapat melihat secara langsung projek-projek senibina dalaman yang sedang berjalan dan berinteraksi dengan pelajar serta pensyarah dari universiti tersebut. Mereka juga berpeluang untuk mempelajari pendekatan, teknik dan perkembangan terkini dalam bidang senibina dalaman.

Program ini memberi pelajar pengalaman yang berharga dalam mempelajari bidang senibina dalaman di luar negara. Mereka dapat melihat perspektif dan pendekatan yang berbeza dalam senibina dalaman serta memperluas pengetahuan dan pemahaman mereka tentang perkembangan terkini dalam industri tersebut.



LAWATAN KOLABORASI AKADEMIK DAN ANTARABANGSA UMK - UTB

15 Jun 2023 | Lawatan Kolaborasi Akademik dan Antarabangsa yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad telah mengadakan kunjungan hormat ke Universiti Teknologi Brunei (UTB) bertujuan untuk membincangkan jaringan kerjasama dalam bidang penyelidikan, program akademik dan pertukaran pelajar. Turut hadir ialah Dr. Hasyiya Karimah binti Adli; Dekan FSDK, Dr. Nurul Akmar binti Che Zaudin; Timbalan Pengarah Pusat Antarabangsa dan Ts. Dr. Hadhrami bin Ab Ghani; Timbalan Dekan FSDK. Manakala UTB diketuai oleh Dr. Hajah Ena Kartina binti Haji Abd Rahman; Penolong Naib Canselor (Akademik).



LAWATAN KOLABORASI AKADEMIK DAN ANTARABANGSA UMK - UBD

16 Jun 2023 | Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad seterusnya meneruskan sesi lawatan kolaborasi akademik ke Universiti Brunei Darussalam (UBD), Brunei untuk membincangkan program kerjasama akademik dan antarabangsa. Delegasi UMK telah disambut oleh Dr Joyce Teo Siew Yean, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Global), Dr. Sabrina binti Dato Paduka Haji Daud; Timbalan Pengarah Perhubungan Global, Pengiran Dr. Emeroylariffion bin Pengiran Haji Abas, Pengarah, Pejabat Penolong Naib Canselor (Inovasi dan Perusahaan) dan Dayang Asnah binti Haji Yusof; Pengurus Program Discovery Year (DY).



LAWATAN KOLABORASI AKADEMIK & ANTARABANGSA UMK - UNISSA

15 Jun 2023 | Kunjungan hormat ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad bertujuan untuk menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UNISSA & UMK dalam bidang akademik. Turut hadir ialah Dr. Hasyiya Karimah binti Adli; Dekan FSDK, Dr. Nurul Akmar binti Che Zaudin; Timbalan Pengarah Pusat Antarabangsa, Ts Dr. Hadhrami bin Ab Ghani, Timbalan Dekan FSDK dan Prof. Madya Dr. Mohd Hafiz bin Jamaludin; Penolong Profesor Adjung, Fakulti Pertanian, UNISSA.



PROGRAM MOBILITI BERKREDIT (INBOUND) UNIVERSITY OF HORTICULTURAL SCIENCE (UHS), INDIA

Fakulti Industri Asas Tani (FIAT), Universiti Malaysia Kelantan menganjurkan Program Mobiliti Berkredit (Inbound) melibatkan 10 orang pelajar prasiswazah antarabangsa daripada University of Horticultural Science (UHS), India bermula pada 30 April 2023 sehingga 29 Mei 2023.



Sepanjang program ini dijalankan, pelajar telah menghadiri satu sesi kuliah untuk tempoh selama 4 minggu. Pihak fakulti turut mengadakan lawatan belajar di beberapa tempat menarik di Malaysia. Selain itu, pihak fakulti turut menganjurkan program International Cultural Exchange Day (ICED2023) pada 18 Mei 2023 bertujuan untuk menyambut pelajar antarabangsa ini, mengetengahkan budaya masyarakat Malaysia. Disamping itu, sambutan Hari raya Aidil Fitri di peringkat fakulti bersama para pelajar FIAT telah disambut bersama.



Secara keseluruhannya, program mobiliti berkredit ini telah berjaya dilaksanakan oleh pihak fakulti dan pelajar yang terlibat telah berpuas hati sepanjang program diadakan. Program ini akan diteruskan melibatkan kumpulan pelajar daripada universiti luar negara.





PROGRAM TOURISM INTERNATIONAL MOBILITY AND ENTREPRENEURSHIP MANAGEMENT (TIME): OPENING EYES, GAINING EXPERIENCE, GENERATING KNOWLEDGE – 2ND SERIES

Program ini telah berjaya dijalankan pada 24 hingga 27 Mei 2023 di daerah Trang dan Hatyai, Thailand. Program mobiliti tidak berkredit ini mempunyai tiga fokus utama iaitu mobiliti, keusahawanan dan khidmat komuniti. Para pelajar telah mengadakan lawatan ke beberapa tempat pelancongan dan melihat sendiri aktiviti masyarakat setempat dan Pembangunan sesebuah tempat pelancongan. Hasil daripada aktiviti tersebut, pelajar perlu membuat penilaian dan mengenal pasti langkah-langkah untuk menambahbaik tempat pelancongan di tempat mereka sendiri. Bagi projek kesukarelawanan atau khidmat komuniti, ia dijalankan bersama komuniti peniaga yang berada di Le Khaokob Cave, Wilayah Trang. Pelajar mengadakan sesi dialog bersama peniaga tempatan sambil bertukar idea dan pendapat untuk memperkasakan produk tempatan disamping memberi ilmu bermanfaat kepada pengunjung.



PROGRAM MOBILITI BERKREDIT

Program ini telah berlangsung pada 3-13 Mei 2023 melibatkan lawatan akademik, perkongsian ilmu dan pembelajaran diantara UMK, Universiti Malaysia Sabah dan Songkhla Universiti Rajabhat. Program ini memberi impak yang tinggi kepada peserta dengan berkongsi ilmu dan merasai pembelajaran di tempat baru.



Antara peserta yang terlibat adalah diketuai oleh Dr. Noorliyana Ramlee dan Dr. Wan Saiful Nizam Wan Mohamad. Pada akhir program ini, satu persetujuan di antara dua pihak (UMK dan Universitas Muhammadiyah Makassar) untuk mewujudkan MOU.



PELAJAR

PROGRAM APLUS CERTIFICATION PROGRAM FOR NON-ACCOUNTING STUDENTS



FKP

PENSIJILAN KEMAHIRAN APLUS CERTIFICATION PROGRAM FOR NON-ACCOUNTING STUDENTS

PROGRAM PENJANA KPT-PACE

TERBUKA KEPADA PELAJAR UMK

- Pelajar UMK tahun 3 dan tahun 4
- Tempat adalah **TERHAD**

KELEBIHAN DAN MANFAAT

- Yuran ditanggung sepenuhnya oleh KPT di bawah program PENJANA KPT-PACE
- 1-1 coaching
- Pengetahuan dalam mengendalikan sistem maklumat perniagaan dan perakaunan
- Pendedahan asas dalam pengurusan kewangan dan pengurusan perakaunan syarikat

TEMPOH KURSUS: 5 HARI

- Bermula pada 6-10 Jun 2023

TEMPAT KURSUS

- UMK Kampus Kota



SEBARANG PERTANYAAN

- Dr. Nur Izzati Mohamad Anuar
+60-104060106
- Dr. Siti Afiqah Zainuddin
+60-142939060



<https://forms.gle/GJkoMKBTKop9Nf327>

Program pensijilan ini telah berjaya dilaksanakan di UMK Kampus Kota pada 6 hingga 10 Jun 2023 oleh jurulatih khas yang berkemahiran tinggi daripada Aplus, Billy Kang & Co. dan pasukan perakaunan UMK. Projek ini telah diketuai oleh Dr. Siti Afiqah Zainuddin dan ahli projek, Prof Madya Dr. Noorshella Che Nawi, Prof Madya Dr. Noorul Azwin Md Nasir, Dr. Tahirah Abdullah, Dr. Amira Jamil, Dr. Nur Izzati Binti Mohamad Anuar, Dr. Noor Raihani Binti Zainol, Prof Madya Dr. Roslizawati Binti Che Aziz dan Dr. Borhan Bin Abdullah. Hasil pemerhatian dan analisa akhir program, seramai 50 orang pelajar dan 17 orang urus setia telah berjaya memenuhi semua keperluan pensijilan dan mendapat pengiktirafan kemahiran mengendalikan perisian Aplus dengan jayanya.



PROGRAM SOCIAL E-COMMERCE: ADOBE CERTIFIED PROFESSIONAL ADOBE PREMIER PRO

Kursus ini berlangsung bermula 18 hingga 27 Jun 2023 secara fizikal di Bilik Seminar 1, Makmal Komputer 1, Makmal Komputer 2, Aras 1 Kompleks Akademik, Bangunan Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok, Kelantan. Seramai 119 orang peserta telah menyertai kursus ini serta mendapat sijil pengiktirafan kemahiran masing-masing yang dikeluarkan oleh pihak Adobe dan Antsbees Sdn. Bhd. Para peserta diajar tentang kemahiran menggunakan perisian *Adobe Premiere Pro* bagi mendapatkan sijil berprestasi tinggi iaitu *Adobe Certified Professional Adobe Premiere Pro*.

Kursus ini juga turut melibatkan kerjasama padu antara pihak PPA dan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) yang turut menawarkan khidmat bantuan para fasilitator daripada kalangan Pensyarah seramai lapan orang. Tugasan para fasilitator ini ialah untuk membantu pihak Antsbees Sdn. Bhd. yang membekalkan para jurulatih untuk mengajar para peserta tentang kaedah menggunakan aplikasi tersebut bagi memastikan para pelajar mendapat keputusan cemerlang dalam pentaksiran akhir kursus yang dijalankan pada 27 Jun 2023.



FTKW



PROGRAM PERSIJILAN PROFESIONAL BARISTA DAN PENGURUSAN RESTORAN

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan kerjasama Kafe Coffee Story dan Persatuan Sekolah Kopi menganjurkan Program Pensijilan Profesional Barista dan Pengurusan Restoran yang melibatkan pelajar UMK dan komuniti di bawah agensi yang berminat pada 9 dan 13 Jun 2023 (Jumaat sehingga Selasa) di Bilik Dahlia UMK, Coffeestory café dan Bilik C202DT. Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang ilmu pengurusan restoran dan kafe serta memberi nilai tambah kepada pelajar dalam mendapatkan pensijilan profesional Barista. Kursus ini juga membuka peluang kepada pelajar dan komuniti terlibat untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang berasaskan kopi, terutamanya sebagai persediaan kepada graduan dan komuniti yang berminat untuk menjalankan perniagaan dalam bidang makanan dan minuman. 10 modul telah dikendalikan seperti Pemprosesan kopi dan "latte art". Seramai 63 orang pelajar telah terlibat dan 56 orang pelajar telah lulus pensijilan barista dan pengurusan restoran. Pelajar ini akan di anugerahkan sijil profesional Barista daripada Sekolah Kopi Malaysia dan Specialty Coffee Association.




FHPK



KUNJUNGAN HORMAT MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

3 MEI 2023 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) telah menerima kunjungan hormat daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2022/2023 UMK.

Tujuan kunjungan ini adalah bagi memperkenalkan barisan MPP serta membincangkan beberapa isu antaranya berkaitan jadual kuliah, pembelajaran anjal (2U2H), peperiksaan dan sebagainya. Turut hadir sama adalah Prof. Madya Dr. Seri Intan bt Mokhtar (Dekan FIAT merangkap Pengerusi Majlis Dekan), Prof. Madya Ts. Dr. Anuar bin Mohd Yusof, (Pengarah Pusat Pengurusan Akademik), Prof Madya Dr. Mohamad Najmi bin Masri (Pengarah Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik).





AKTIVITI

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA ASNAF UMK

13 April 2023 | Majlis penyampaian sumbangan kepada pelajar asnaf UMK daripada Yayasan Sultan Kelantan Darulnaim yang disampaikan oleh Yang Mulia Tengku Sri Kelana Di Raja Dato Sri Raja Shah Zurin bin Raja Aman Shah dan disaksikan oleh YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

Pada 6 April 2023, UMK yang diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah menerima sumbangan sebanyak RM 5,000.00 sempena Majlis Berbuka Puasa bersama Duli Yang Maha Mulia Sultanah Kelantan.



MERIAHNYA RAYA PEJABAT TNCAA

15 Mei 2023 | Suasana sekitar sambutan hari raya Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa telah menganjurkan Majlis Meriahnya Raya Pejabat TNCAA kepada warga UMK Kampus Bachok. Prof. Dr. Nik Maheran menghargai ahli pejabat TNCAA atas komitmen serta sumbangan memastikan program dapat direalisasikan dan berlangsung dengan meriah seperti namanya. Semoga program ini dapat mengeratkan ukhuwah sesama staf dan diteruskan di masa akan datang.



KARNIVAL PENDIDIKAN KELANTAN 2023

24 Jun 2023 | Sek. Men. Keb. Tengku Ampuan Intan, Pusat Pendidikan Luar Umk (UMKCEE) menyertai karnival pendidikan yang dianjurkan oleh Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN) di Sek. Men. Keb. Tengku Ampuan Intan bagi mempromosikan kemasukan pelajar baru pengambilan September 2023. Hasil daripada pameran ini, UMKCEE berjaya mengumpul pangkalan data bakal pelajar yang berminat.

27 Jun 2023 | Mydin Mall Tunjung, Pusat Pendidikan Luar UMK (UMKCEE) menyertai karnival pendidikan yang dianjurkan oleh Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN) bagi mempromosikan kemasukan pelajar baru pengambilan September 2023. Hasil daripada pameran ini, UMKCEE berjaya mengumpul pangkalan data bakal pelajar yang berminat dengan program pengajian yang ditawarkan oleh UMKCEE.



LAWATAN KE FAKULTI SAINS BUMI

21 JUN 2023 | Lawatan ke Fakulti Sains Bumi bagi tujuan pemeriksaan peralatan Pdp. Lawatan telah dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad dan diiringi oleh Dekan Fakulti Sains Bumi, Prof. Madya Ts. Dr. Mohamad Faiz bin Mohd Amin



» Saksikan Kapsul Dokumentari

Rebana Kercing

Warisan Kelantan
yang berasal dari Kampung Laut

setiap **Sabtu, 1.30 petang**

bermula **1 Julai**

hingga **23 September**

di **tv1**



Takkan Melayu
Hilang di Dunia
Jika Warisan Budaya
Dipulihara dan Diperkasa

ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



OfficialUMK

DOKUMENTARI "REBANA KERCING KAMPUNG LAUT"

Perhatian kepada pencinta budaya! Jom saksikan siri dokumentari seni persembahan Rebana Kercing Kampung Laut! Dari desa yang sederhana di Kampung Laut hingga ke pentas global, saksikan perjalanan menakjubkan para seniman berbakat memelihara tradisi yang dihargai ini. Rebana Kercing, seni warisan 150 tahun, dipulihara melalui projek Universiti Malaysia Kelantan dan Kedutaan Amerika Syarikat.

Tonton di TV1 setiap Sabtu dari 1 Julai hingga 23 September pada jam 1:30 petang. Kongsi untuk menyokong pemeliharaan warisan budaya kita dan merayakan bakat yang luar biasa di sebalik Rebana Kercing Kampung Laut.

BENKEL HALA TUJU & TEAM BUILDING UMKCEE


24-26 Mei 2023 | Tasik Kenyir, Pusat Pendidikan Luar UMK (UMKCEE) telah mengadakan Bengkel Hala Tuju & Team Building yang diadakan di Tasik Kenyir. Bengkel ini bertujuan untuk memperbaharui matlamat dan motivasi staf UMKCEE dan merancang gerak kerja dalam merencanakan lagi aktiviti promosi UMKCEE. Bengkel hala tuju juga bertujuan untuk 'brainstorming' staf mengenai Program Pesisir yang sedang dijalankan. Hasil daripada bengkel ini, kakitangan UMKCEE menjadi lebih jelas mengenai KPI dan target yang mahu dicapai pada tahun 2023.

PROGRAM COLOUR RUN

Program Colour Run ialah Projek Akhir bagi kursus Pengurusan Organisasi yang dijalankan di bawah pemantauan Fasilitator Nur Fadhah Mohd Zawawi. Program ini melibatkan 150 orang peserta yang dikendalikan oleh 33 orang pelajar. Program ini menawarkan pelbagai aktiviti menarik yang mencabar minda dan membina hubungan yang akrab antara peserta. Kejayaannya terlihat melalui perkembangan kepimpinan, sikap tolak ansur dan kerjasama, kemahiran berkomunikasi dan membuat keputusan, kepandaian merancang acara, pengawalan emosi dan keberanian berucap di hadapan orang ramai. Secara keseluruhan, program Colour Run berjaya mengintegrasikan teori-teori pengurusan organisasi dengan amalan sebenar, sekaligus memberikan manfaat yang bermakna kepada para pelajar yang terlibat.



PROGRAM YOUTH INNOVATOR COMMUNITY NETWORK 2023 (Youth ICoN2023)



Program Youth ICoN2023 yang julung kalinya diadakan dan berjalan dalam suasana meriah apabila disertai oleh 566 orang peserta dari pelbagai institusi pengajian di seluruh negeri Kelantan.

Majlis disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMK YBhg. Prof. Dr. Nik Maهران binti Nik Muhammad itu berlangsung di Dewan Utama, UMK Kampus Jeli pada 13 April 2023 dan dihadiri kira-kira 300 orang tetamu jemputan.

Ucaptive pula disampaikan oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Hj. Ibrahim Che Omar yang juga merupakan penyelia Program Asasi Sains UMK. Program kali ini menyaksikan 79 inovasi baharu dipertandingkan dan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu pra-universiti, sekolah menengah dan rendah.

Salah satu kumpulan pelajar daripada Program Asasi Sains UMK telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Inovasi Terbaik peringkat pra-universiti kerana mencipta alat Eco-Aroma Cooler yang boleh digunakan sebagai penyaman udara berserta wangian penyegar. Peringkat sekolah menengah dan rendah pula masing-masing dimenangi oleh SMK Putri Saadong (D'Tamrah) dan Sk Jeram Tekoh (Water Grav).

ASCENDING THE PEAK BUILDING A HIGH PERFORMANCE CULTURE IN THE MALAYSIA PUBLIC SERVICE

15-17 Mei 2023 | Program *Ascending The Peak Building A High Performance Culture In The Malaysia Public Service* dapat menambahkan pengetahuan para peserta berkaitan kursus. Selain itu, mendedahkan peserta kepada idea dan strategi baharu untuk meningkatkan produktiviti kerja. Selain itu, membantu peserta membangunkan minda untuk produktiviti dan mendedahkan para peserta mengenai perancangan digital untuk memantapkan organisasi seta melengkapkan peserta dengan kemahiran teknologi untuk meningkatkan peribadi produktiviti.

MAJLIS PENUTUP MINGGU BAHASA ASASI SAINS (BAHAS 1.0)

Pada 9 Mei 2023 telah berlangsungnya Majlis Perasmian Penutup Minggu Bahasa 1.0 (BAHAS 1.0) yang bertempat di Dewan Utama UMK Kampus Jeli. Program Minggu Bahasa 1.0 (BAHAS 1.0) telah bermula pada 2 Mei 2023 sehingga 9 Mei 2023. Sepanjang minggu tersebut banyak video menarik yang menggunakan bahasa Inggeris, Mandarin dan Arab telah dihasilkan oleh para pelajar yang telah dikongsi di semua laman sosial rasmi UMK-AsCent untuk tontonan umum. Pada malam penutup pula, 12 persembahan dalam Bahasa Inggeris, Mandarin dan Arab telah dipersembahkan oleh para pelajar. Pertandingan bakat persembahan melalui tiga bahasa ini diadakan bertujuan untuk memberi ruang dan pendedahan kepada pelajar Asasi untuk berekspresi melalui medium bahasa yang dipelajari menggunakan platform terkini dengan lebih menarik dan bermanfaat. Antara persembahan yang dipersembahkan oleh para pelajar semasa majlis penutup adalah nyanyian, pidato, lakonan, deklamasi puisi dan koir menggunakan tiga Bahasa tersebut.

UMK AsCent



INNOVATION DAY 2023 UNVEILS CUTTING-EDGE PROJECTS

Terdapat 2 projek yang telah dipamerkan di sana. Projek pertama ialah Wasteless “Trim the waste Feed the World”. Objektif bagi projek ini adalah untuk mengurangkan sisa makanan yang berlebihan dengan penjualan makanan yang hampir tamat tempoh dan mengurangkan kadar kemiskinan dengan meningkatkan kemampuan untuk membeli makanan dengan harga yang berpatutan. Pelajar yang terlibat membina sistem ini adalah Ng Poh Siang, Wan M.Hafiz, Najwatul Intan Dan Muhammad Danish.

Projek kedua adalah myMedicare yang mana projek ini merupakan satu sistem memasukkan data secara manual yang digunakan untuk kemasukan data dan penyimpanan rekod di dalam organisasi yang terdedah kepada ralat, memakan masa dan kurang kecekapan. Pergantungan pada input manual meningkatkan risiko kesilapan tipografi, pertindihan data dan kelewatan dalam memproses maklumat. Pelajar yang terlibat adalah Muhamad Fikri, Nur Diyanah Putri, Muhammad Khairul Syahmi dan Nur Dinie Faqihah.

Webinar
MY5G ERICSSON MALAYSIA PIONEERS PROGRAM

31 May 2023 (Wednesday)
4:00 pm - 5.00pm

MR. JOHAN KREBBERS
Digital-Nasional Berhad
Enterprise Strategy - Leader Emerging Technologies
Malaysia

Moderator
Ts. DR. HADHRAMI BIN AB. GHANI
Deputy Dean
Faculty of Data Science & Computing (FSDK)

Organized by:
FACULTY OF DATA SCIENCE AND COMPUTING (FSDK)

Program ini disusun mengikut cara di mana pelajar dari semua latar belakang boleh menggunakan pengetahuan dalam bidang minat mereka sendiri.

26 Mei 2023 | Seramai lapan orang pelajar Tahun Pertama dari FSDK telah menyertai Innovation Day 2023 Unveils Cutting-Edge Projects yang dianjurkan oleh Fakulti Kejuruteraan dan Komputeran yang bertempat di First City University College (FCUC), Kuala Lumpur dengan jayanya. Projek yang dilaksanakan oleh para pelajar ini telah diselia oleh Dr. Fakhitah Binti Ridzuan; Pensyarah Kanan FSDK


MY5G ERICSSON MALAYSIA PIONEERS PROGRAM

31 Mei 2023 | Program MY5G Ericsson Malaysia Pioneers disampaikan oleh Mr. Johan Krebbers, VP IT Innovation and GM Emerging Digital Technologies, Shell. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk merapatkan jurang yang semakin meningkat antara permintaan dan ketersediaan kemahiran digital dalam pasaran kerja Malaysia. Perkara ini adalah kursus pembelajaran pertama mengenai 5G dan teknologi digital yang berkaitan, yang direka oleh Ericsson dan Digital Nasional Berhad (DNB).

Adalah penting kepada pelajar Malaysia untuk mendapatkan pengenalan yang baik kepada dunia kecerdasan buatan, Internet of Things, realiti maya dan tambahan dan teknologi yang akan datang pada masa hadapan. Hal ini diharap akan membantu mereka membina kerjaya, melancarkan perniagaan dan juga mencipta perubahan positif di dunia dengan bantuan teknologi.

IMPAK REVOLUSI PERINDUSTRIAN 4.0 KEPADA PERNIAGAAN: PELUANG DAN CABARAN

7 Jun 2023 | Seminar Impak Revolusi Perindustrian 4.0 kepada perniagaan: Peluang dan Cabaran telah dianjurkan oleh Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK) dengan kerjasama pihak AntsBees Sdn Bhd yang diadakan secara dalam talian. Seminar ini, bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar dan orang awam mengenai kesan Revolusi Perindustrian 4.0 kepada perniagaan masa kini.



INNOVATION DAY 2023 UNVEILS CUTTING-EDGE PROJECTS

22 Jun 2023 | Program ini dianjurkan oleh Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK) dengan kerjasama pihak KNIME untuk memberi pendedahan mengenai cara menganalisis dan mentafsir data untuk membuat keputusan berasaskan data. Melalui program ini, peserta diajar mengenai cara menggunakan alat pengaturcaraan visual untuk melakukan data cleaning, preprocessing, data wrangling, visualisasi data dan juga pembelajaran mesin.



PENGLIBATAN PENSYARAH FSE DALAM PERTANDINGAN INOVASI

Lima orang pensyarah FSE telah berjaya dalam merangkul beberapa pingat di dalam pertandingan Inovasi yang telah diadakan pada 8 Jun 2023 secara dalam talian.

Antara inovasi yang dipertandingkan adalah:

- GO ONLINE!-Assessing E-Portfolio from Google Sites for Landscape Architecture Design Studio (Ketua Projek: Dr Noorliyana binti Ramlee).
- Online-Mediated Teaching and Learning: Gearing Towards Industrial Revolution 4.0 (Ketua projek: Dr Yeo Lee Bak).
- Adventure of Secret Garden: Gamification approach for History of Landscape Architecture (Ketua projek: Dr Nurul Izzati binti Othmani).
- Route by Route: A transformative teaching innovation in urban design education (Ketua projek: Dr Nor Hamizah Abdul Hamid).

PAMERAN IOT



26 Jun 2023 | Seramai 60 orang pelajar Tahun 2 daripada Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat telah mengadakan Pameran IoT bertempat di IR 4.0 Competence Centre (IR 4.0 C.C), UMK Kampus Kota. Sebanyak 10 produk IoT telah dipamerkan daripada 10 kumpulan pelajar. Pameran IoT pada kali ini bertemakan Smart City Prototype. Kursus Internet of Things (IoT) ini telah diajar oleh Dr. Hasyiya Karimah Adli dan En. Khairul Nizar Syazwan.

Pembentangan produk telah dinilai oleh pensyarah FSDK, Ts. Dr. Hadhrami, Ts. Dr. Nor Alina, Dr. Fakhithah Ridzuan, Dr. Nurzulaikha serta Felo AIBIG iaitu Ts. Dr. Mazlan Mohamed yang turun padang bagi memeriahkan lagi suasana pameran ini.

Antara produk Smart City prototype yang dipamerkan adalah seperti *Traffic Management, Air Pollution Monitoring, Water Management (Groundwater Level), Building Energy and Electricity, Waste Management System, Parking System, Natural Disaster Management (Flood), Smart Street Light, Smart Agriculture System dan Solar Energy.*

1ST RUNNER-UP AI ENTHUSIAST, PROGRAM 2023 INTEL BUILDING DIGITAL READINESS

13 Mei 2023 | Program 2023 Intel Building Digital Readiness anjuran Intel dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia dan Penyelidikan Kolaboratif dalam Sains & Teknologi Kejuruteraan (CREST), program Kesediaan Digital bertujuan untuk memberi pendedahan AI kepada generasi akan datang. Program ini adalah sebahagian daripada program Kesediaan Digital Global Intel yang sedang dijalankan di 27 buah negara.

Objektif program adalah untuk mewujudkan peluang untuk belia mempelajari kemahiran AI untuk mereka bentuk penyelesaian AI yang penting dalam membina daya saing jangka panjang. Pelajar prasiswazah dari FSDK, Wong Chin Wee, pelajar Tahun 3, Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian) telah mendapat 1st Runner-Up AI Enthusiast melalui Program 2023 Intel Building Digital Readiness dengan tajuk projek yang dibentangkan "Early Detection Of Skin Cancer Using Deep Learning Approach".



**PROGRAM TEAM BUILDING IPOH, PERAK
UNTUK STUDIO REKABENTUK SENIBINA
DALAMAN IV**

Pada 16 Mei 2023, telah diadakan Program Team Building di Gua Tempurung, Ipoh, Perak untuk Studio Rekabentuk Senibina Dalaman IV. Program ini bertujuan untuk merapatkan hubungan antara pelajar dan pensyarah, meningkatkan kerjasama dalam kumpulan serta melatih kemahiran komunikasi dan kepimpinan.

Kegiatan utama dalam program ini adalah penerokaan Gua Tempurung. Peserta diberi peluang untuk menyelami keunikan dan keindahan gua tersebut. Mereka menghadapi cabaran dalam mengatasi rintangan semasa menjelajah gua, seperti merentasi sungai bawah tanah, melalui lorong sempit dan memanjat tebing. Selain daripada penerokaan gua, program ini juga melibatkan aktiviti-aktiviti lain yang menggalakkan kerjasama dan komunikasi antara peserta. Contohnya, terdapat tugas kumpulan yang melibatkan pemecahan masalah, permainan fizikal, dan latihan kepercayaan di antara peserta.



**PROGRAM PERTANDINGAN REKA PANJUT
PELITA FTKW**

Pada 13 April 2023, Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan (FTKW), UMK Bachok telah menganjurkan Program Pertandingan Reka Panjut Pelita dan Program Berbuka Puasa. Seramai 10 orang pelajar dan 2 orang pensyarah dari Jabatan Senibina Dalaman, FSE telah menyertai pertandingan tersebut. Program ini bertujuan untuk mempromosikan tradisi, kegiatan kreatif dalam merangka dan membina Panjut Pelita serta meraikan bulan Ramadan dalam kalangan pelajar dan pensyarah reka bentuk. Setiap pasukan pelajar dikehendaki membina sebuah Panjut Pelita dengan menggunakan bahan-bahan buluh yang telah disediakan. Mereka diberi kebebasan untuk menggunakan teknik reka bentuk dan kreativiti mereka untuk mencipta Panjut Pelita yang menarik. Kumpulan FSE telah mendapat tempat kedua. Program ini memberikan peluang kepada pelajar untuk meluahkan idea dan bakat mereka dalam seni reka bentuk.

NATIONAL MICRO ENTERPRISE PITCHING COMPETITION 2022

Seramai tiga orang pelajar FIAT dengan tunjuk ajar dan bimbingan daripada seorang mentor iaitu Ts. Dr. Zulhisyam bin Abdul Kari @ Abdullah telah terlibat dengan program National Micro Enterprise Pitching Competition pada 14 Mei 2023. Satu produk inovasi makanan ikan iaitu *Soy Growth Booster* telah dipertandingkan semasa program tersebut dan pelajar terlibat adalah Mohamad Faheem Aqeel Bin Mad Fadzil, Nur Nadia Binti Zawawi dan Muhammad Roshidi Bin Samsurijan. Projek ini telah mendapat tempat ketiga dalam kategori yang dipertandingkan. Selain itu, mereka turut menerima RM1,500.00 atas kemenangan berkenaan. Selain itu, pelajar dapat mencipta produk baharu dengan menggunakan teknologi terkini, yang akan memberikan manfaat dalam bidang pertanian.



PROGRAM WORKSHOP ON DIGITAL MALL: SHOPEE LIVE FAKULTI KEUSAHAWANAN & PERNIAGAAN SEMESTER FEBRUARI SESI AKADEMIK 2022/2023

Program Shopee Live merupakan program berteraskan keusahawanan yang kali pertama diadakan di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di bawah Jabatan Keusahawanan. Pengisian program Shopee Live ini adalah merujuk kepada kursus ACS3033 (E-Dagang), di bawah Jabatan Keusahawanan yang menerapkan elemen keusahawanan e-dagang dan inovasi platform digital, sejajar dengan objektif program dan kursus.

Program ini telah berjaya memberi peluang secara langsung kepada pelajar untuk terlibat sebagai usahawan digital di platform Shopee Live Stream dalam mempromosikan produk perniagaan. Selain itu, 36 buah kedai juga telah didaftarkan di platform Shopee oleh usahawan pelajar FKP, UMK.





CARNIVAL OF MEGAPRENEURSHIP & INNOVATION 2.0 (COMEI 2.0)

CARNIVAL OF MEGAPRENEURSHIP & INNOVATION 2.0

"EMBARLING INNOVATIONS OF MADANI ENTREPRENEURS"

10 - 12 JUN
8:30AM

FKP



THIS IS A PITCHING

This program is to help potential entrepreneurs realize their business ideas from concept to reality through pitching business ideas, business planning, startup business planning and industry partnerships.

- BUSINESS PLANNING PRESENTATION SESSION
- START-UP BUSINESS PRESENTATION SESSION
- INDUSTRY TALKS & PANEL DISCUSSIONS
- NETWORKING OPPORTUNITIES
- SHARING BY SUCCESSFUL ENTREPRENEURS

Dewan Keusahawanan Kampus Kota



COMEI 2.0 ini merupakan satu inovasi kaedah penilaian kerja kursus yang diadakan buat kali kedua di FKP, UMK dengan menggabungkan lima program yang melibatkan bilangan peserta seramai 950 orang pelajar. Tujuan program ini diadakan adalah untuk membantu para pelajar di FKP agar lebih memahami kandungan yang dipelajari melalui perkongsian idea perniagaan, inovasi keusahawanan, pembangunan rancangan perniagaan dan juga pengalaman sepanjang mengikuti dan menyempurnakan projek.

Melalui program ini, sebanyak 200 kumpulan projek kerja kursus telah berjaya diketengahkan sebagai projek keusahawanan dan seterusnya berjaya meningkatkan bilangan usahawan dalam kalangan pelajar UMK.



PROGRAM ISLAMIC NAVIGATION TOWARD SUSTAINABLE ACCOUNTING & FINANCE FESTIVAL (IN-SAFF) 2023

Kampus Kota, Universiti Malaysia Kelantan, 15-17 Jun 2023. Program ini diadakan secara fizikal di Dewan Terbuka Keusahawanan & Eksperimental Hall, Kampus Kota, Universiti Malaysia Kelantan. Seramai 320 orang pelajar yang terdiri daripada 200 pelajar daripada Program Perbankan Dan Kewangan Islam, manakala 120 pelajar daripada Program Perakaunan telah berjaya mengikuti program Islamic Navigation Toward Sustainable Accounting & Finance Festival (In-SAFF) 2023. Program ini telah berjaya memberi peluang secara langsung kepada para pelajar melalui perkongsian ilmu oleh wakil industri seperti Bank Negara Malaysia, MICPA & TYMBA Education Group, Suruhanjaya Sekuriti, Malaysian Takaful Association dan ACCA Malaysia.

PROGRAM CASE STUDY COMPETITION IN ISLAMIC BANKING AND FINANCE

Program ini telah diadakan pada 22 Jun 2023 (Khamis) bermula jam pukul 5.00-7.00 petang di Bilik Mesyuarat Senat, UMK Kampus Kota. Program ini disertai oleh 121 orang pelajar daripada lima kod kursus yang ditawarkan dalam Program Perbankan dan Kewangan Islam, antaranya AFS2053, AFS3073, AFS4513, AFS2043 dan AFS2013. Program ini telah berjaya memberi peluang secara langsung kepada para pelajar melalui perkongsian ilmu oleh wakil industri seperti Bank Negara Malaysia, MICPA & TYMBA Education Group, Suruhanjaya Sekuriti, Malaysian Takaful Association dan ACCA Malaysia. Seterusnya, memberi galakan kepada pelajar dalam penguasaan ilmu secara praktikal bersama wakil industri.



PROGRAM RAISING AWARENESS ON CIRCULAR ECONOMY

Program Raising Awareness On Circular Economy telah disertai oleh 30 orang pelajar FKP, 12 orang pensyarah dan Kawasan Rukun Tetangga Taman Kurnia Jaya yang terlibat menjayakan program ini. Objektif program adalah untuk mendedahkan pelajar dengan pelaksanaan program SULAM di samping memberi pendedahan berkenaan circular economy dan syarikat-syarikat yang menyokong *circular economy*.

Hasil kutipan bermula 8.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari yang berjaya mengumpul 125 kg E-Waste, 99 kg minyak masak dan hampir 100 beg plastik tekstil terpakai. Di akhir program, barang-barang kutipan telah selamat diambil oleh tiga syarikat iaitu Sally Global Enterprise (minyak masak terpakai), Laksana Cergas Sdn. Bhd. (E-Waste) dan H&M (tekstil terpakai). Program ini juga memberi pendedahan kepada warga setempat berkenaan kepentingan *circular economy* dalam melindungi alam sekitar.



PROGRAM CAKNA USAHAWAN DESAKU (CUDe)

Seramai 19 orang pelajar FKP telah berjaya mengikuti Program Cakna Usahawan Desaku (CUDe) pada 8 hingga 10 Jun 2023 yang bertempat di Kampung Changgai, Pasir Puteh. Program ini adalah kerjasama FKP, Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) menerusi Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan (CEED), Pusat Usahawan IKS Kelantan (UIKS) dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Changgai, Pasir Puteh.

Program ini dimulakan dengan sesi motivasi kepada pelajar Tahun 5 dan 6 SK Changgai dan diikuti sesi lawatan ke industri desa iaitu Kilang Kopi Hamid (Chop Bukit), Kilang Minuman roselle dan juga Rumah Kelulut. Pada hari kedua, slot ceramah keusahawanan disampaikan oleh pensyarah FKP kepada usahawan-usahawan yang berdaftar di bawah UIKS.

Acara kemuncak bagi program ini adalah aktiviti gotong royong membersihkan kawasan SK Changgai dan bekwoh gulai kawah yang dihadiri sekurang-kurangnya 100 orang termasuk pengurusan tertinggi FKP dan UMKEI, pihak sekolah juga penduduk kampung. Dalam program ini, para pensyarah bertindak sebagai mentor berkongsi idea dan inovasi untuk mengembangkan perniagaan usahawan desa.

Antara produk keluaran usahawan desa ini adalah minyak urut, pakaian, minyak wangi dan kuih-muih. Melalui program ini, ianya memberi peluang kepada pelajar dan para pensyarah untuk mengetahui secara dekat perniagaan dan kehidupan usahawan desa dan turut membantu perniagaan usahawan desa yang merupakan keluarga angkat pelajar.



PROGRAM KEMBALI KE SEKOLAH BERSAMA ANAK – ANAK ASNAF DI SEKOLAH SEKITAR DAERAH JELI

FIAT telah berjaya menganjurkan Program Kembali ke Sekolah Bersama Anak – Anak Asnaf di Sekolah sekitar Daerah Jeli. Program ini merupakan kesinambungan daripada program yang dilaksanakan pada tahun 2022.

Pihak fakulti telah mengadakan kutipan sumbangan dan dana untuk membantu anak – anak asnaf yang kurang mampu untuk meneruskan persekolahan mereka bagi tahun 2023. Sumbangan yang diterima daripada penyumbang adalah berbentuk sumbangan kewangan dan peralatan seperti barangan dan pakaian sekolah, buku dan peralatan lain.

Pihak fakulti telah menyerahkan sumbangan yang diterima kepada pengurusan sekolah yang terpilih. Pihak fakulti akan meneruskan program ini pada masa yang akan datang bagi meringankan beban perbelanjaan persekolahan yang ditanggung oleh keluarga asnaf terpilih di sekitar daerah Jeli.





PROGRAM “WE CARE, WE SHARE, WE REACH OUT, FOOD GROCERY FOR THE NEEDY”

15 April 2023 | FIAT telah berjaya menganjurkan satu program iaitu “*We Care, We Share, We Reach Out, Food Grocery for the Needy*” berlangsung pada 15 April 2023. Program ini merupakan inisiatif pelajar Program Teknologi Pembangunan Produk melalui koordinator kursus FAE4133.

Pengurusan Projek adalah Prof. Madya Dr. Palsan Sannasi bin Abdullah dan staf akademik yang lain. Melalui program ini, ramai dermawan telah menyalurkan sumbangan berbentuk kewangan dan barangan keperluan harian untuk diagihkan di komuniti penduduk Kg Bukit Selar, Kuala Balah, Jeli. Agihan yang disalurkan ini sedikit sebanyak dapat membantu penerima dalam meneruskan aktiviti harian.



FOOD CULTURE AND HERITAGE EXHIBITION 2023 ANJURAN BARISAN PELAJAR FHPK

FHPK

Program *Food Culture & Heritage Exhibition 2023* ini telah diadakan buat julung-julung kalinya oleh barisan pelajar di Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK).

Pameran ini telah dianjurkan bagi tujuan memenuhi keperluan kursus Budaya dan Warisan Makanan (HHB30403). Pameran yang berkonsepkan *experiential learning* ini juga mengetengahkan pelbagai makanan warisan bagi setiap negeri di seluruh Malaysia.


Matlamat utama program ini adalah untuk memartabatkan keunikan dan keaslian Makanan Warisan dalam kalangan generasi muda masa kini agar ia tetap segar dalam ingatan dan terpahat dalam sanubari mereka.

Pelbagai seleksi makanan warisan telah ditampilkan antaranya Nasi Tumpang, Nasi Kerabu, Nasi Dagang, Laksam, Ketupat Sotong, Daging Salai, Asam Pedas Melaka, Laksa Johor, Lontong, Ambuyat, Hinava, Kek Lapis Sarawak, Kopi Bakar dan banyak lagi. Apa yang menariknya ialah para hadirin yang berkunjung ke pameran ini dapat menikmati semua hidangan makanan warisan tersebut secara percuma.

Di samping itu, program ini juga menampilkan Tarian Rakyat yang tersohor bagi mencerminkan kelembutan dalam gerak tari dan melodi nan indah yang terkandung dalam lagu rakyat bagi setiap negeri di Malaysia.

Lebih istimewa lagi, kemunculan ADABI sebagai penaja utama bagi program “Food Culture & Heritage Exhibition 2023” ini telah berjaya menarik lebih ramai pengunjung untuk hadir ke pameran ini. Jalinan kerjasama pintar bersama pihak ADABI buat julung kalinya ini telah membuka pelbagai ruang dan peluang kerjasama pada masa akan datang yang dilihat sebagai berpotensi untuk memartabatkan budaya dan warisan makanan tempatan sekaligus meningkatkan keterlihatan FHPK di peringkat yang lebih tinggi.

Kemunculan khas chef selebriti iaitu Chef Johari Edrus selaku Profesor Adjung juga telah memberi impak yang signifikan terhadap program ini di mana beliau begitu memandangi tinggi usaha murni para pelajar dan ahli akademik selaku generasi muda dalam usaha mengangkat martabat makanan warisan di Malaysia.





STUDENTS OF FOOD CULTURE & HERITAGE (HNB30403)
FACULTY OF HOSPITALITY, TOURISM AND WELLNESS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PROUDLY PRESENTS:
FOOD CULTURE & HERITAGE EXHIBITION 2023

31 MAY 2023
WEDNESDAY
9.00 AM - 5.00 PM
DEWAN KEUSAHAWANAN
UMK KAMPUS KOTA

Special Appearance:
Chef Johari Edrus
(Celebrity Chef)

Sponsored by:
adabi
BERSIH DAN ASLI

OfficialUMK
UMK.EDU.MY

ENTREPRENEURSHIP
@ Only UMUKU

Kita
#BinaAgendaUMK
Bersama

UMK
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1
UNIVERSITY
ACEHI

THE
GOALS

OfficialUMK
UMK.EDU.MY

ENTREPRENEURSHIP
@ Only UMUKU

Kita
#BinaAgendaUMK
Bersama

UMK
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**FOOD CULTURE
AND HERITAGE
EXHIBITION 2023
ANJURAN BARISAN
PELAJAR FHPK**



FHPK WEEK 2023

UMK KAMPUS KOTA
TAMAN BENDAHARA, PENKALAN CHEPA

28 Mei - 03 Jun 2023 10.00am - 11.00pm

- ✓ Students Innovation and Colloquium (SIC) 2023
- ✓ Sukan Rakyat & Sukan Tradisional
- ✓ Food Culture And Heritage Exhibition
- ✓ Sukaneka
- ✓ Senamrobik
- ✓ Pelbagai lagi aktiviti menarik

f fhpkmUMK @myfhpkm

Program ini dianjurkan bagi memenuhi sebahagian keperluan kursus HTS20203 (Pengurusan Acara) iaitu yang diadakan selama 7 hari bermula dari 28 Mei 2023 sehingga 3 Jun 2023 di UMK Kampus Kota. Tujuan utama program ini dijalankan adalah untuk melahirkan mahasiswa yang berketerampilan bukan sahaja dari segi akademik, tetapi juga dari segi kebolehpasaran. Selain daripada itu, pelajar akan mendapat pengalaman untuk berdepan dengan masalah-masalah diluar jangka dan cara untuk menyelesaikannya. Hal ini, secara tidak langsung akan meningkatkan lagi kualiti pembelajaran mereka. Disamping itu, bazar jualan juga dibuka di ruang futsal kolej kediaman UMK Kampus kota bagi menyokong usaha universiti untuk memperkasakan aktiviti keusahawanan dalam kalangan komuniti dan pelajar UMK khususnya.

Aktiviti lain yang diadakan sepanjang program ini adalah *E-Sport Games*, Sukan Rakyat dan Tradisional, Sukaneka, *Movie Night*, *Bicara Profesor Adjung*, persembahan silat gayong dan silat cekak, senamrobik dan majlis penutupan FHPK Week 2023.

Impak dari pelaksanaan majlis ini, pelajar mendapat menerapkan ciri-ciri kepimpinan dalam diri masing-masing, mempelajari dan merasai pengalaman bekerja dalam kumpulan dan meningkatkan tahap keyakinan diri. Selain itu, memberi pengalaman kepada pelajar untuk menganjurkan acara di luar bilik kuliah samada dalam skala kecil atau besar.

PROGRAM NUTRITION INNOVATION AND HEALTH EXHIBITION DAY



Program *Nutrition Innovation and Health Exhibition Day* adalah program yang dianjurkan oleh Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), UMK melalui kerjasama dengan Unit Bimbingan dan Kaunseling, SMK Pengkalan Chepa 2 pada 8 Jun 2023 (Khamis). Program ini dianjurkan adalah bertujuan untuk memberi pendekatan dan meningkatkan kesedaran tentang penjagaan kesihatan dan pemakanan sihat serta kepentingan gaya hidup sihat kepada komuniti sekolah.



Pendekatan program seperti ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada komuniti sekolah dan menyerlahkan kebolehan para pelajar daripada Program Keusahawanan Kesihatan untuk mengaplikasikan teori yang dipelajari di dalam kelas secara praktikal melalui Pertandingan Inovasi Produk Pemakanan Sihat. Program kerjasama antara pihak SMK Pengkalan Chepa 2 dengan FHPK akan terus kukuh untuk memberikan manfaat kepada mahasiswa FHPK serta pelajar sekolah dan seterusnya dapat menyerlahkan kebolehan para pelajar untuk mengaplikasikan segala pengetahuan yang dipelajari pada masa hadapan.



Tenaga penggerak untuk *Nutrition Innovation and Health Exhibition Day* ini terdiri daripada pensyarah-pensyarah FHPK, guru-guru SMK Pengkalan Chepa 2 serta Ahli jawatankuasa diperingkat pelajar daripada Kursus Amalan Makanan dan Pemakanan (HWT20103), Program Keusahawanan Kesejahteraan yang komited menjayakan program ini.



PEMETAAN DIGITAL DENGAN MENGGUNAKAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)




ROAD TO INDUSTRY RECRUITMENT, SELECTION AND INDUCTION

Webinar ini merupakan salah satu Program Pembelajaran Sepanjang Hayat secara tidak formal anjuran Jabatan Hospitaliti, FHPK yang diadakan secara dalam talian pada 9 Jun 2023.

Matlamat utama webinar ini adalah untuk memperkembangkan ilmu *recruitment*, pengambilan, pemilihan dan induksi kepada pelajar dengan keperluan industri pada masa kini dan akan datang. Selain itu, meningkatkan nilai dan kekuatan pelajar dalam persiapan pasaran pekerjaan dalam Latihan Industri dan sebaik sahaja menamatkan pengajian.

Webinar secara percuma ini adalah terbuka kepada semua pelajar Universiti Malaysia Kelantan dan telah disertai seramai 129 orang pelajar Ijazah, berumur 20-22 tahun.



Webinar ini merupakan salah satu Program Pembelajaran Sepanjang Hayat FHPK, UMK yang berkonsepkan latihan dan kemahiran secara praktikal menerusi Platform Google Zoom. Penganjuran webinar telah berjaya memberi peluang kepada peserta khususnya pelajar dan staf untuk mengikuti kemahiran dan belajar membuat peta digital dengan bayaran yuran yang murah. Seramai 34 orang peserta telah menyertai webinar ini, daripada pelbagai peringkat organisasi iaitu Pensyarah, kakitangan staf, pelajar Ijazah dan Ijazah Tinggi dari Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Matlamat utama penganjuran webinar ini adalah untuk memberi ilmu, latihan dan kemahiran secara praktikal berkaitan teknik-teknik membuat peta dengan menggunakan GIS. Para peserta diberikan ilmu berkaitan kepentingan, kegunaan GIS dan fungsinya dalam pelbagai bidang.

FESTIVAL BIZZCOMM UNTUK PROGRAM SLB DAN MBC, JABATAN PEMBANGUNAN INSAN

FBI

“Drama Day” merupakan acara yang diadakan pada 17 Jun 2023 yang berlangsung di Foyer Fakulti Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insan (FBI). Acara ini melibatkan peserta dari Pelajar Kohot 2 yang mengambil matapelajaran 1, 2, dan 3 dalam Kursus Komunikasi Perniagaan dengan Bahasa Inggeris.

Manakala pada tanggal 19 Jun 2023, BCE Colourful War telah diadakan di FBI. Acara ini melibatkan semua peserta dari Kursus Komunikasi Perniagaan dengan Bahasa Inggeris. Seterusnya, pada tanggal 20 Jun 2023, *Blooming Career: Cultivating Excellence in Resume Writing and Job Application* telah berlangsung di Auditorium 2 Kompleks Akademik UMK. Acara ini disertai oleh para pelajar Kursus Komunikasi Perniagaan dengan Bahasa Inggeris tahun akhir.

Festival BizzComm telah diakhiri dengan program *Event Day* dan *Intellectual Discourse with Adjunct Professor* pada 22 Jun 2023 di FBI. Acara ini melibatkan semua pelajar FBI, termasuk pelajar pra siswazah dan pasca siswazah.



MUKHAYAM ARABIY 2023

Program ini berlangsung selama tiga hari pada 15 hingga 17 Jun 2023 bertempat di Sri Muara Resort Bachok Kelantan. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan keterampilan untuk Bahasa Arab oleh para peserta, dan hal ini memberikan pengalaman berharga dalam lingkungan yang mendukung penggunaan bahasa tersebut. Di samping itu, sesi suai kenai antara pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) Terengganu diadakan.

Pelbagai aktiviti diadakan selama tiga hari program berlangsung. Oleh hal yang demikian, program ini berjaya menyediakan pengalaman pembelajaran yang intensif dan mendalam dalam bahasa Arab, disamping memperkenalkan peserta kepada budaya dan tradisi Arab. Program ini memberikan dorongan dan motivasi tambahan kepada para peserta untuk terus belajar Bahasa Arab dan menjalin hubungan yang lebih baik dengan dunia Arab.



PROGRAM CABARAN INOVASI; E-BOOK MAKING COMPETITION

Pertandingan menghasilkan e-book bagi syarikat Abam Peah Holdings SDN BHD dijemput untuk memberikan penerangan kepada peserta pada 29 Mei 2023 di Bilik Marbawi, FBI.

Program ini memberi peluang kepada para pelajar untuk mengaplikasikan hasil pembelajaran bagi menepati kehendak pasaran yang sebenar. Program ini juga membuka ruang kepada pihak industri untuk membina jaringan kerjasama dengan institusi serta memberi pendedahan tentang kemahiran yang dimiliki oleh para pelajar yang bersesuaian dengan keperluan industri.



PROGRAM WACANA MALAYSIA

Program Wacana Malaysia Madani ini diadakan pada 12 Jun 2023 di Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok yang bertujuan mendokong agenda nasional melalui peranan strategik UMK dalam usaha merakyatkan agenda Malaysia Madani dalam kalangan warga UMK khususnya dan rakyat Kelantan amnya. Impak daripada program Wacana Madani ini adalah dapat menerapkan nilai Madani dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya warga UMK.

KARNIVAL JABATAN PENGAJIAN UMUM 2023

Jabatan Pengajian Umum FBI telah mengadakan Karnival JPU 2023 pada 1 Jun 2023 (Khamis) di Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok dengan objektif memberikan pengalaman pembelajaran yang berbeza dan menyeronokkan kepada pelajar serta membantu meningkatkan motivasi mereka untuk menekuni kursus-kursus yang berkaitan.

Penganjuran karnival ini membantu meningkatkan kefahaman dan penguasaan terhadap kursus-kursus pengajian umum dalam kalangan pelajar. Kursus-kursus seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin, Bahasa Melayu, Bahasa Thai, Bahasa Sepanyol dan kursus-kursus Sains Kemanusiaan memainkan peranan penting dalam pembentukan jati diri dan kematangan sosial para pelajar. Malalui program ini, para pelajar didedahkan dengan budaya makanan, pakaian dan juga penggunaan komunikasi asas bahasa asing di reruai pameran yang disediakan. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan termasuk *board games*, *kahoot quizzes*, pameran silang budaya, gerai keusahawanan dan sebagainya.



FBI

JPU CARNIVAL 2023

**From Words to Worlds:
Celebrating Societies and Languages**

LANGUAGE GAMES, KARA-OK, LIVE MUSIC, SEMINAR,
GLOBAL FOOD BAZAAR AND MUCH MORE!

WIN special prizes!

FREE ENTRY

When
01 JUNE 2023 (THURSDAY)
8:30 AM - 5:00 PM

Where
DEWAN TUANKU CANSELOR
(DTC), UMK BACHOK CAMPUS

"TASTE THE UNIQUE & DIVERSE
CULTURE OF THE WORLD"

FRANCO TOUR 2023 KELANTAN

Franco Tour dilaksanakan pada 7 Jun 2023 (Rabu) bersempena dengan sambutan Minggu Bahasa Perancis 2023 di Malaysia pada tahun ini. Program yang telah dirasmikan oleh YBhg. Naib Canselor UMK ini merupakan antara acara bagi mempromosikan budaya Perancis kepada pelajar Malaysia yang mempelajari bahasa Perancis sebagai bahasa ketiga di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Program ini membuka peluang kepada para guru bahasa Perancis untuk saling bertemu dan berkongsi ilmu pengetahuan dalam bidang masing-masing bagi meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran bahasa Perancis di institusi masing-masing. UMK telah terpilih pada tahun ini untuk menjadi tuan rumah kepada seluruh sekolah yang menawarkan bahasa Perancis di negeri Kelantan bagi menganjurkan program ini. Para peserta yang hadir ialah seramai 130 orang terdiri daripada para pelajar dari 13 buah sekolah seluruh Kelantan diiringi oleh guru-guru Bahasa Perancis masing-masing. Program ini juga dihadiri oleh Mrs. Virginie Boiteau, Diplomat Kedutaan Perancis dan 2 orang lagi pegawai berkaitan daripada kedutaan tersebut iaitu Mrs. Anaïs Deschamps dan Mr. Nicolas Thomé.



AMBASSADE DE FRANCE EN MALAISIE
Liberté, Égalité, Fraternité

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Franco Tour 2023 KELANTAN

7 JUNE 2023 | 8.00 AM - 5.00 PM

AUDITORIUM 2 (KA02ADT),
ACADEMIC BUILDING, UMK BACHOK

ORGANISATION INTERNATIONALE DE la francophonie
Jum Français

ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST

OfficialUMK



PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan terima kasih diucapkan kepada:

- Fakulti Keusahawanan dan Peniagaan (FKP)
- Fakulti Pelancongan, Hospitaliti dan Kesejahteraan (FHPK)
- Fakulti Perubatan Veterinar (FPV)
- Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK)
- Fakulti teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW)
- Fakulti Senibina dan Ekistik (FSE)
- Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI)
- Fakulti Industri Asas Tani (FIAT)
- Fakulti Sains Bumi (FSB)
- Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT)
- Malaysian Graduate School of Entrepreneurship and Business (MGSEB)
- Pusat Pengajian Siswazah (PPS)
- UMK As-Cent
- Pusat Pengurusan Akademik (PPA)
- Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA)
- UMK International (UMKI)

dan semua pihak yang telah bertanggungjawab menyumbang dalam penerbitan WACANA samada secara langsung mahupun tidak langsung.



A Knowledge Valley where
ENTREPRENEURIAL
MINDS
meet, innovate and create

TERBITAN

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok, Kelantan



www.hea.umk.edu.my



dcvai@umk.edu.my



Pejabat TNCAA UMK